

## BAB EMPAT

### Analisis Data dan Penemuan

#### Pendahuluan

Tujuan penyelidikan ini adalah untuk melihat kepelbagaian budaya yang dicerminkan dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3. Pengkaji membahagikan penyelidikan kepada 5 pembahagian yang besar, iaitu meneliti unsur-unsur budaya setiap kaum mengikut pembahagian yang berikut:

- (1) Bahagian ilustrasi dan gambar
- (2) Bahagian mendengar dan bertutur
- (3) Bahagian membaca dan memahami
- (4) Bahagian menulis
- (5) Bahagian bacaan luas

Data-data yang terdapat dalam buku teks ini akan dimasukkan ke dalam jadual mengikut pembahagian kaum iaitu:

- (1) M mewakili budaya Melayu
- (2) C mewakili budaya Cina
- (3) I mewakili budaya India
- (4) L mewakili lain-lain budaya seperti:
  - Kaum peribumi di Sabah dan Sarawak
  - Baba dan Nyonya
  - Sikh

(5) A mewakili budaya asing seperti:

- Eropah
- Asia
- Timur Tengah
- Lain-lain

(6) U mewakili budaya universal

Analisis dalam bentuk jadual dibahagikan kepada:

- (1) Perbandingan budaya mengikut kaum.
- (2) Pembahagian unsur-unsur budaya setiap kaum.
- (3) Unsur-unsur budaya dalam ilustrasi dan gambar.
- (4) Perbandingan unsur-unsur budaya dalam:
  - i. Petikan mendengar dan bertutur
  - ii. Petikan membaca dan memahami
  - iii. Petikan menulis
  - iv. Petikan bacaan luas

#### Perbandingan Budaya Mengikut kaum

##### *Budaya Melayu*

Jadual 1 menunjukkan unsur-unsur budaya mengikut kaum yang terdapat dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3. Unsur budaya Melayu digambarkan paling banyak, iaitu 45.1% (157) berbanding dengan budaya kaum yang lain. Merujuk kepada jadual 2 pula menunjukkan unsur budaya Melayu memberi gambaran yang paling banyak (7.8%) terhadap aspek pakaian berbanding dengan unsur

yang lain. Diikuti dengan aspek seni sastera (6.3%) dan pekerjaan sebanyak 5.5% (19). Lain-lain unsur yang digambarkan ialah adat sebanyak 2.0% (7), agama 2.6% (9), bangunan 0.9% (3), komunikasi 2.0% (7), makanan 1.4% (5), pemikiran 4.6% (16), peralatan 2.3% (8), perhiasan 3.7% (13), dan akhir sekali seni ukir 2.9% (10). Lain-lain unsur yang turut digambarkan tetapi tidak banyak ialah unsur gender, hubungan luar, pendidikan dan pengangkutan yang hanya digambarkan masing-masing lebih kurang 0.6% (2) sahaja.

Unsur budaya Melayu yang paling kurang mendapat perhatian ialah unsur bangsa, masalah sosial dan semangat patriotik yang masing-masing sebanyak 0.3% (1). Terdapat unsur-unsur budaya Melayu yang tidak mendapat perhatian lansung (0%), iaitu unsur bahasa, seni muzik, seni tenun dan sejarah.

*Jadual 1: Unsur-unsur budaya mengikut kaum dalam buku teks*

	M	C	I	L	A	U
adat	2.0 (7)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.6 (2)	0.0 (0)	0.3 (1)
agama	2.6 (9)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.3 (1)	0.3 (1)
bahasa	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.3 (1)	0.0 (0)	0.0 (0)
bangsa	0.3 (1)	0.9 (3)	0.6 (2)	0.6 (2)	2.0 (7)	0.0 (0)
bangunan	0.9 (3)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.3 (1)	0.0 (0)	0.0 (0)
gender	0.6 (2)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.6 (2)	0.0 (0)	0.3 (1)
hubungan luar	0.6 (2)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.3 (1)
komunikasi	2.0 (7)	0.0 (0)	0.3 (1)	0.0 (0)	0.0 (0)	1.1 (4)
makanan	1.4 (5)	0.0 (0)	0.0 (0)	2.9 (10)	0.0 (0)	14.1 (49)
masalah sosial	0.3 (1)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.9 (3)
pakaian	7.8 (27)	0.6 (2)	0.0 (0)	1.6 (6)	0.6 (2)	11.2 (39)
patriotik	0.3 (1)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	1.4 (5)
pekerjaan	5.5 (19)	0.3 (1)	0.3 (1)	0.0 (0)	0.0 (0)	3.2 (11)
pemikiran	4.6 (16)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.3 (1)	0.0 (0)	0.3 (1)
pendidikan	0.6 (2)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.3 (1)	0.9 (3)
pengangkutan	0.6 (2)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)

peralatan	2.3 (8)	0.3 (1)	0.0 (0)	0.3 (1)	0.0 (0)	3.7 (13)
perhiasan	3.7 (13)	0.0 (0)	0.3 (1)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.6 (2)
seni muzik	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.9 (3)	0.0 (0)	0.0 (0)
seni sastera	6.3 (22)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)
seni tenun	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.9 (3)	0.0 (0)	0.3 (1)
seni ukir	2.9 (10)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)
sejarah	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.3 (1)
Jumlah	45.1 (157)	2.0 (7)	1.4 (5)	9.2 (32)	3.2 (11)	39.1 (136)

M = budaya Melayu

C = budaya Cina

I = budaya India

L = budaya lain-lain

A = budaya asing

U = budaya universal

nota :

Angka tanpa kurungan menunjukkan peratus unsur budaya.

Angka dalam kurungan menunjukkan kekerapan unsur budaya.

*Jadual 2: Unsur-unsur budaya Melayu yang terdapat dalam buku teks*

	kekerapan	peratus
adat	7	2.0
agama	9	2.6
bahasa	0	0.0
bangsa	1	0.3
bangunan	3	0.9
gender	2	0.6
hubungan luar	2	0.6
komunikasi	7	2.0
makanan	5	1.4
masalah sosial	1	0.3
pakaian	27	7.8
patriotik	1	0.3
pekerjaan	19	5.5
pemikiran	16	4.6
pendidikan	2	0.6
pengangkutan	2	0.6
peralatan	8	2.3
perhiasan	13	3.7
seni muzik	0	0.0
seni sastera	22	6.3
seni tenun	0	0.0
seni ukir	10	2.9
sejarah	0	0.0
<hr/>		
Jumlah	157	45.1

Jadual 1, menunjukkan unsur budaya yang kedua banyak dicermin dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSP Tingkatan 3 ialah budaya universal, iaitu sebanyak 39.1% (136). Jadual 3 pula menunjukkan unsur budaya universal yang terdapat dalam buku teks yang dikaji. Unsur budaya universal ialah unsur budaya yang mewakili hampir semua kaum yang terdapat di Malaysia seperti kaum Melayu, Cina, India, dan lain-lain kaum peribumi yang tinggal di Sabah dan Sarawak. Rajah 3 menunjukkan budaya universal paling banyak (14.1%) menggambarkan unsur makanan berbanding dengan unsur-unsur yang lain. Diikuti dengan unsur pakaian sebanyak 11.2% (39). Manakala unsur peralatan yang digambarkan pula, sebanyak 3.7% (13), unsur pekerjaan pula, sebanyak 3.2% (11). Lain-lain unsur yang ditonjolkan tetapi tidak begitu banyak ialah seperti, unsur patriotik 1.4% (5), komunikasi 1.1% (4), masalah sosial 0.9% (3), pendidikan 0.9% (3) dan perhiasan 0.6% (2).

Unsur yang paling kurang terdapat dalam buku teks yang dikaji ialah unsur gender, hubungan luar, agama, adat, pemikiran dan seni tenun yang masing-masing sebanyak 0.3% (1). Manakala unsur bahasa, bangsa, bangunan, pengangkutan, seni muzik, seni sastera dan seni ukir pula, tidak digambarkan lansung dalam budaya universal.

*Jadual 3: Keseluruhan unsur-unsur budaya universal yang terdapat dalam buku teks*

	Kekerapan	Peratus
adat	1	0.3
agama	1	0.3
bahasa	0	0.0
bangsa	0	0.0
bangunan	0	0.0
gender	1	0.3
hubungan luar	1	0.3
komunikasi	4	1.1
makanan	49	14.1
masalah sosial	3	0.9
pakaian	39	11.2
patriotik	5	1.4
pekerjaan	11	3.2
pemikiran	1	0.3
pendidikan	3	0.9
pengangkutan	0	0.0
peralatan	13	3.7
perhiasan	2	0.6
seni muzik	0	0.0
seni sastera	0	0.0
seni tenun	1	0.3
seni ukir	0	0.0
sejarah	1	0.3
Jumlah	136	39.1

*Budaya lain-lain*

Budaya Lain-lain yang mewakili kaum peribumi di Sabah dan Sarawak, Baba dan Nyonya, Sikh dan sebagainya pula digambarkan sebanyak 9.2% (32) berbanding dengan budaya lain dalam buku teks. Lain-lain budaya paling banyak menggambarkan unsur makanan (2.9%) berbanding dengan unsur-unsur lain. Diikuti dengan unsur pakaian (1.6%). Selebihnya ialah unsur seni muzik dan seni tenun yang masing-masing sebanyak 0.9% (3). Adat, bangsa, dan gender pula dicerminkan sebanyak 0.6 % (2). Unsur budaya yang paling sedikit ditonjolkan dalam lain-lain budaya ialah unsur bahasa, bangunan, pemikiran, dan peralatan yang masing-masing sebanyak 0.3% (1). Lain-lain unsur yang tidak terdapat langsung ialah unsur agama, hubungan luar, komunikasi, masalah sosial, patriotik, pekerjaan, pendidikan, pengangkutan, perhiasan, seni sastera, seni ukir dan sejarah.

*Jadual 4: Keseluruhan unsur-unsur budaya lain-lain yang terdapat dalam buku teks*

	Kekerapan	Peratus
adat	2	0.6
agama	0	0.0
bahasa	1	0.3
bangsa	2	0.6
bangunan	1	0.3
gender	2	0.6
hubungan luar	0	0.0
komunikasi	0	0.0
makanan	10	2.9
masalah sosial	0	0.0
pakaian	6	1.6
patriotik	0	0.0
pekerjaan	0	0.0
pemikiran	1	0.3
pendidikan	0	0.0
pengangkutan	0	0.0
peralatan	1	0.3
perhiasan	0	0.0
seni muzik	3	0.9
seni sastera	0	0.0
seni tenun	3	0.9
seni ukir	0	0.0
sejarah	0	0.0
<b>Jumlah</b>	<b>32</b>	<b>9.2</b>

Budaya asing dikategorikan sebagai budaya yang terdapat di luar negara seperti Eropah, Timur Tengah dan lain-lain negara Asia. Jadual 1, menunjukkan budaya asing dicerminkan sebanyak 3.2% (11) dalam buku teks. Sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 5 unsur budaya asing yang paling banyak ditonjolkan ialah unsur bangsa, iaitu sebanyak 2.0% (7) berbanding dengan unsur pakaian (0.6%), agama (0.3%) dan pendidikan (0.6%). Lain-lain unsur yang dikaji tetapi tidak mendapat perhatian dalam budaya asing ialah adat, bahasa, bangunan, gender, hubungan luar, komunikasi, makanan, masalah sosial, patriotik, pekerjaan, pemikiran, pengangkutan, peralatan, perhiasan, seni muzik, seni sastera, seni tenun, seni ukir dan sejarah.

*Jadual 5: Keseluruhan unsur-unsur budaya asing yang terdapat dalam buku teks*

	Kekerapan	Peratus
adat	0	0.0
agama	1	0.3
bahasa	0	0.0
bangsa	7	2.0
bangunan	0	0.0
gender	0	0.0
hubungan luar	0	0.0
komunikasi	0	0.0
makanan	0	0.0
masalah sosial	0	0.0
pakaian	2	0.6
patriotik	0	0.0
pekerjaan	0	0.0
pemikiran	0	0.0
pendidikan	1	0.3
pengangkutan	0	0.0
peralatan	0	0.0
perhiasan	0	0.0
seni muzik	0	0.0
seni sastera	0	0.0
seni tenun	0	0.0
seni ukir	0	0.0
sejarah	0	0.0
<hr/>		
Jumlah	11	3.2

Berdasarkan jadual 1 juga, unsur-unsur budaya Cina yang terdapat dalam buku teks KBSM Tingkatan 3 hanya berjumlah 2.0% (7) berbanding dengan budaya kaum yang lain. Jadual 6 menunjukkan hanya 4 unsur budaya yang diketengahkan dalam buku teks, iaitu unsur bangsa, pakaian, pekerjaan dan peralatan. Unsur yang paling banyak diketengahkan dalam budaya Cina berbanding dengan budaya kaum yang lain ialah unsur bangsa, iaitu sebanyak 0.9% (3). Sementara itu unsur pakaian pula ialah sebanyak 0.6% (2). Unsur budaya Cina yang paling sedikit ditonjolkan dalam buku teks berbanding dengan budaya kaum yang lain ialah unsur pekerjaan dan peralatan yang masing-masing sebanyak 0.3% (1). Lain-lain unsur yang dikaji tetapi tidak dicerminkan buku teks ialah adat, agama, bahasa, bangunan, gender, hubungan luar, komunikasi, makanan, masalah sosial, patriotik, pemikiran, pendidikan, pengangkutan, perhiasan, seni muzik, seni sastera, seni tenun, seni ukir dan sejarah.

*Jadual 6: Keseluruhan unsur-unsur budaya Cina yang terdapat dalam buku teks*

	Kekerapan	Peratus
adat	0	0.0
agama	0	0.0
bahasa	0	0.0
bangsa	3	0.9
bangunan	0	0.0
gender	0	0.0
hubungan luar	0	0.0
komunikasi	0	0.0
makanan	0	0.0
masalah sosial	0	0.0
pakaian	2	0.6
patriotik	0	0.0
pekerjaan	1	0.3
pemikiran	0	0.0
pendidikan	0	0.0
pengangkutan	0	0.0
peralatan	1	0.3
perhiasan	0	0.0
seni muzik	0	0.0
seni sastera	0	0.0
seni tenun	0	0.0
seni ukir	0	0.0
sejarah	0	0.0
<hr/>		
Jumlah	7	2.0

*Budaya India*

Jadual 1 menunjukkan budaya India paling sedikit digambarkan dalam buku teks KBSM Tingkatan 3 berbanding dengan budaya kaum yang lain, iaitu sebanyak 1.4% (7). Manakala jadual 7 pula, menunjukkan unsur yang paling banyak digambarkan berbanding dengan unsur-unsur yang lain ialah unsur bahasa (0.6%). Lain-lain unsur budaya India yang digambarkan dalam buku teks ialah unsur komunikasi (0.3%), pekerjaan (0.3%) dan perhiasan (0.3%).

Dapatlah disimpulkan bahawa unsur budaya India merupakan unsur budaya yang paling kurang (1.4%) ditonjolkan dalam buku teks berbanding dengan budaya kaum yang lain seperti budaya Melayu (45.1%), budaya universal (39.1%), budaya lain-lain (9.2%), budaya asing (3.2%) dan budaya Cina (2.0%).

*Jadual 7: Keseluruhan unsur-unsur budaya India yang terdapat dalam buku teks*

	Kekerapan	Peratus
adat	0	0.0
agama	0	0.0
bahasa	0	0.0
bangsa	2	0.6
bangunan	0	0.0
gender	0	0.0
hubungan luar	0	0.0
komunikasi	1	0.3
makanan	0	0.0
masalah sosial	0	0.0
pakaian	0	0.0
patriotik	0	0.0
pekerjaan	1	0.3
pemikiran	0	0.0
pendidikan	0	0.0
pengangkutan	0	0.0
peralatan	0	0.0
perhiasan	1	0.3
seni muzik	0	0.0
seni sastera	0	0.0
seni tenun	0	0.0
seni ukir	0	0.0
sejarah	0	0.0
<hr/>		
Jumlah	5	1.4

*Unsur-unsur Budaya Melayu dalam Buku Teks*

Jadual 8 menunjukkan unsur-unsur budaya Melayu yang terdapat dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3. Sebanyak 45.1% (157) unsur budaya Melayu digambarkan dalam buku teks yang dikaji berbanding dengan unsur budaya kaum lain.

(i) Unsur pakaian merupakan unsur budaya Melayu yang paling banyak (17.2 %) terdapat dalam buku teks Bahasa Melayu berbanding dengan unsur-unsur lain seperti yang ditunjukkan oleh Jadual 8. Unsur pakaian banyak terdapat dalam ilustrasi dan gambar seperti di hlm. 7, 215, 216, 291, dan 307 yang menunjukkan lelaki Melayu memakai semuntal. Lelaki Melayu juga digambarkan memakai baju batik (hlm. 106). Mereka juga digambarkan memakai baju Melayu (hlm. 98, 215, 216 dan 291). Songkok kadangkala dipadankan dengan baju Melayu atau baju T (T-Shirt) lengan pendek (hlm. 152, 165, 277, dan 290). Baju Kurung merupakan pakaian yang biasanya dipakai oleh perempuan Melayu. (hlm. 17, 25, 33, 59, 76, 80, 95, 139, 158, 160 dan 198 ). Golongan yang mengenakan Baju Kurung ialah dari kalangan wanita tua dan muda. Baju kurung biasanya dipadankan dengan tudung kepala atau sebaliknya.

(ii) Unsur budaya Melayu yang kedua banyak (14.0%) terdapat dalam buku teks berbanding dengan budaya kaum

yang lain ialah unsur seni sastera. Seni sastera lama yang digambarkan ialah yang bercorak puisi seperti sajak, syair, pantun, seloka, gurindam dan nazam. Manakala sastera lama yang bercorak prosa yang disebut pula ialah Hikayat Ramayana, Hikayat Mahabhrata, Hikayat Sang Boma, Hikayat Pancatantra dan Bayan Budiman (hlm. 284). Sastera moden yang bercorak prosa yang terdapat dalam buku teks pula ialah seperti cerpen, novel dan drama.

(iii) Unsur budaya Melayu yang ketiga banyak (12.1%) yang digambarkan dalam buku teks berbanding dengan budaya kaum lain ialah unsur pekerjaan. Gambaran terhadap pekerjaan orang-orang Melayu ialah sebagai nelayan (hlm. 104), askar (hlm. 322), pekebun (hlm. 156). Orang Melayu juga digambarkan bekerja sebagai peladang yang mengusahakan tanaman seperti kelapa sawit, getah, koko, pisang, jagung dan keledek. (hlm. 107). Di samping itu mereka juga menternak haiwan, seperti ikan, itik dan biri-biri (hlm. 108). Orang Melayu juga digambarkan menjadi pengusaha kecil seperti industri memproses ikan. (hlm. 108). Terdapat juga gambaran anak muda yang berhijrah dari desa ke bandar yang bekerja mengambil upah menjaga kereta secara haram (hlm. 146). Orang Melayu juga digambarkan terlibat dalam kerja-kerja tradisional seperti sebagai tukang perak (hlm. 289). Tidak ketinggalan pula, anak muda Melayu yang digambarkan bekerja makan gaji seperti sebagai Tentera

Udara Diraja Malaysia (hlm. 328).

(iv) Unsur-unsur pemikiran mendapat tempat yang keempat banyak (10.2%) dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3 berbanding dengan budaya kaum lain. Masyarakat Melayu juga sering dikaitkan dengan sungai. Di samping bermandi manda, mereka juga mencari rezeki di sungai, iaitu dengan cara menjala ikan di sungai dengan menggunakan sampan (hlm. 104-105).

(v) Pemikiran orang-orang Melayu juga sering dikaitkan dengan cerita-cerita kayangan dan neneh kebayan (hlm. 52). Neneh Kebayan merupakan watak yang menolong orang yang mengalami kesusahan. Kayangan pula digambarkan sebagai tempat tinggal puteri-puteri dan bidadari-bidadari yang cantik.

Kisah muda mudi yang keluar merantau pula, dengan berbagai-bagi tujuan seperti mencari rezeki dan untuk menimba pengalaman. Semua ini dapat dilihat pada watak Sin (hlm. 145-146) yang terdapat dalam petikan 'Janji Perantau'.

Pemikiran masyarakat Melayu juga tidak boleh dipisahkan dengan emas (hlm. 311-314). Perkara yang paling nyata, emas dijadikan barang perhiasan untuk dipakai terutamanya oleh kaum wanita. Emas yang disimpan adalah dalam berbagai bentuk seperti bentuk anting-anting, cincin, dokoh, gelang kaki, gelang tangan, kerabu, kerongsang, pending, subang dan cucuk sanggul (hlm. 313). Kebanyakan suri rumahtangga menyimpan

barang-barang perhiasan daripada emas bukan semata-mata untuk berdandan tetapi juga untuk berjaga-jaga pada masa depan jika menghadapi masalah kewangan, mereka akan menjualkan barang kemas tersebut.

Menabung merupakan salah satu aspek pemikiran yang tidak boleh diketepikan dalam budaya orang Melayu. Orang-orang dewasa atau pun orang-orang tua biasanya menyimpan wang untuk digunakan di kemudian hari, contohnya menyimpan wang dengan cara menabung di ASN (Amanah Saham Nasional) dan Koperasi Bersatu (hlm. 108).

(vi) Perhiasan (8.3%) juga merupakan unsur budaya Melayu yang tidak diketepikan dalam buku teks Bahasa Melayu KBSM Tingkatan 3. Masyarakat Melayu digambarkan menyimpan barang perhiasan yang diperbuat daripada perak seperti lengkang, bekas abu rokok, pisau, sudu, garpu, senduk nasi, set teko, dulang dan bekas buah (hlm. 291).

Barang-barang perhiasan diri bukan sahaja diperbuat daripada emas, tetapi barang perhiasan yang diperbuat daripada perak juga menjadi pilihan masyarakat Melayu. Antaranya termasuklah cincin, butang baju, loket, rantai leher, gelang tangan, gelang kaki, cucuk sanggul, pending dan caping (hlm. 291).

(vii) Unsur seni ukir Melayu yang diperlihatkan dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3 ialah sebanyak 6.4% (10) berbanding dengan unsur lain. Petikan 'Seni Ukiran Kayu Tradisi' (hlm. 126) menceritakan tentang seni ukir orang-orang Melayu yang berkembang ke

istana-istana raja, rumah orang-orang kenamaan, rumah-rumah ibadat dan pintu gerbang pada kota. Terdapat juga seni ukir Melayu yang dipengaruhi oleh unsur-unsur budaya Arab seperti ukiran kaligrafi atau seni khat (hlm. 127). Ukiran-ukiran tersebut kadang kala merupakan cantuman bentuk geometri, kosmos, dan unsur tumbuh-tumbuhan, menghasilkan ukiran-ukiran kayu yang tinggi mutunya.

(viii) Agama merupakan unsur budaya yang turut diberi perhatian dalam buku teks yang dikaji. Orang Melayu memang tidak boleh dipisahkan daripada agamanya, iaitu agama Islam. Gambar halaman 117 dan 129 menunjukkan tempat orang Melayu menunaikan sembahyang. Petikan 'Perjalanan ke Taman Negara' (hlm. 45) menceritakan orang Melayu yang menunaikan sembahyang Zuhur di sebuah masjid semasa dalam perjalanan ke Taman Negara.

Unsur agama juga boleh dilihat melalui pengucapan orang Melayu. Apabila mereka mencapai kejayaan atau mencapai apa-apa yang dihajati, mereka akan mengucapkan kalimah 'Alhamdulillah' (hlm. 105). Manakala kalimah 'Maha Besar Allah' (hlm. 48) pula, sering disebut apabila mereka kagum dengan ciptaan tuhan.

Lain-lain aktiviti yang berkaitan dengan agama yang ditonjolkan ialah bermarhaban dan membaca ayat-ayat suci al-Quran (hlm. 320). Peristiwa bertemu dengan wali dalam mimpi juga turut digambarkan dalam petikan klasik,

contohnya terdapat peristiwa yang menunjukkan Raja Malim Deman bertemu dengan wali dalam mimpi (hlm. 52).

Gambaran tentang tinggalan sejarah Islam pula, terdapat dalam petikan halaman 126 yang menyebut tentang Batu Bersurat Terengganu yang ditemukan di tebing Sungai Teresat, Kuala Berang, Terengganu Darul Iman.

(ix) Jadual 2 menunjukkan peralatan yang digunakan oleh orang-orang Melayu ialah sebanyak 5.1% (8). Antara peralatan yang digunakan oleh orang Melayu ialah parang (hlm. 107). Parang digambarkan sebagai salah satu peralatan yang digunakan untuk menerokai hutan. Alat-alat yang digunakan di ladang pula, ialah seperti traktor, mesin penyembur racun, pam air dan mesin memproses ikan (hlm. 108).

Masyarakat Melayu sememangnya tidak boleh dipisahkan dengan institusi raja. Dengan itu wujudlah pula peralatan yang digunakan oleh raja-raja Melayu seperti payung putih, gendang, serunai, nagara, nafiri dan medali (hlm. 215). Alat-alat kebesaran diraja ini digunakan untuk sesuatu upacara. Petikan 'Utusan Melaka Ke Siam' menjelaskan alat-alat tersebut digunakan untuk mengaruk surat yang diutuskan oleh Sultan Mansur Syah kepada raja Siam.

(x) Unsur-unsur budaya Melayu yang lain ialah adat (4.5%). Adat semasa bercakap dengan raja umpamanya, rakyat biasa akan membahasakan diri mereka sebagai 'patik' dan memanggil raja sebagai 'tuanku'. Rakyat

jelata pula, akan setia kepada raja dengan perasaan yang tidak berbelah bahagi. Segala arahan raja akan dipatuhi (hlm. 5, 6 dan 7).

Orang Melayu yang beragama Islam akan memberi salam apabila mereka bertemu. Adat memberi salam pula, ditunjukkan dalam konteks apabila guru Melayu memasuki bilik darjah (hlm. 10 dan 12). Dalam petikan tersebut pelajar-pelajar memberi salam kepada Cikgu Mastura yang memasuki ke kelas tersebut.

(xi) Dalam membicarakan unsur budaya orang-orang Melayu, pengkaji juga tidak terlepas daripada menyentuh aspek-aspek makanan. Buku teks banyak memberi gambaran tentang makanan kegemaran orang-orang Melayu seperti tempe (hlm. 72), tapai (hlm. 72) dan tepung talam (hlm. 96). Air kelapa muda (hlm. 85) sering menjadi minuman untuk melepaskan dahaga. Buah pinang (hlm. 85) pula dimakan oleh orang-orang yang lebih lanjut usianya.

Orang Melayu juga digambarkan makan makanan yang diusahakan sendiri di kebun seperti durian, buah langsat, ikan jelawat, kerbau, ayam dan itik (hlm. 319).

(xii) Bangunan yang menunjukkan ciri-ciri budaya Melayu pula sebanyak 1.9% (3). Bangunan bersejarah yang disebut ialah Istana Kesultanan Melayu Melaka dan Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan (hlm. 133, 134). Bangunan ini menunjukkan zaman kegemilangan kesultanan Melayu Melaka dan tragedi yang mengakhiri zaman kegemilangannya. Lain-lain bangunan yang menjadi tarikan

kerana terdapat ciri-ciri budaya Melayu pula, ialah Balai Seni Lukis Negara, Muzium Negara dan Central Market (hlm. 237). Istana Pelamin (hlm. 120) di Kedah pula, dibina pada tahun 1760an yang kini dijadikan Muzium Diraja Kedah. Muzium ini mempamirkan bintang-bintang kebesaran dan khazanah istana Kedah.

(xiii) Unsur-unsur budaya Melayu juga turut menonjolkan gender di kalangan orang-orang Melayu. Petikan 'Melawat Dusun' (hlm. 156-157) menggambarkan pekerjaan lelaki Melayu ialah sebagai pekebun yang mengusahakan dusun. Antara buah-buahan yang ditanam ialah buah mangga yang yang dipanggil 'Harum Manis' yang bakanya diperolehi daripada pihak MARDI.

Generasi Melayu yang lebih tua pula ada yang bekerja sebagai tukang perak (hlm. 292), mereka digambarkan hidup dalam keadaan yang kurang bernasib baik seperti rumah yang sering dilanda banjir pada musim tengkujuh. Antara barang-barang yang dihasilkan oleh tukang perak ialah, talam hadiah, alat-alat minum teh, bekas bunga, senduk nasi, hulu sarung keris, kaki lilin, dan batil telur.

Orang-orang Melayu juga digambarkan bekerja sebagai nelayan (hlm. 339). Kebanyakan nelayan tinggal di pantai timur, iaitu di negeri Kelantan, Pahang dan Terengganu. Jumlah tangkapan mereka ini tidaklah begitu banyak. Ini disebabkan oleh laut yang bergelora serta ribut yang kencang pada musim Monsun Timur laut, khususnya dari

bulan Disember hingga bulan Februari. Pada musim ini kegiatan menangkap ikan tidak boleh dijalankan.

Orang Melayu bukan sahaja bekerja di kampung, tetapi juga digambarkan bekerja dengan kerajaan, iaitu sebagai guru (hlm. 203) dan TUDM (hlm. 328). Guru digambarkan dengan sifat-sifat penyayang, contohnya melawat ibu kepada pelajar yang terlantar sakit di rumah. Manakala bekerja sebagai TUDM pula, dianggap sebagai pekerjaan yang mulia kerana bertugas demi mempertahankan tanahair.

(xiv) Hubungan luar tidak begitu banyak (1.3%) diberi tumpuan dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3. Petikan 'Alangkah Indah Namamu' (hlm. 319) menyatakan lelaki Melayu yang keluar bertugas di Birmingham membawa ahli keluarganya ke sana.

Terdapat juga pelajar-pelajar Melayu yang menjalinkan persahabatan dengan pelajar di luar negara, iaitu New Zealand (hlm. 58-59). Perhubungan mereka ialah sebagai sahabat pena yang saling bertanya khabar tentang keadaan dan cara hidup masing-masing.

(xv) Unsur pendidikan dalam budaya Melayu yang digambarkan dalam buku teks yang dikaji ialah sebanyak 1.3% (2). Petikan 'Hani Dalam Kenangan' (hlm. 220-222) umpamanya, menggambarkan seorang gadis Melayu yang terpaksa menamatkan pelajarannya sehingga Tingkatan 3 sahaja kerana kesempitan hidup keluarganya. Dalam pada itu terdapat juga gadis Melayu yang berjaya melanjutkan

pelajarannya sehingga ke luar negeri seperti Amerika Syarikat (hlm. 220-222), iaitu gadis Melayu yang bernama Ja.

(xvi) Dalam mengkaji unsur budaya Melayu, kita tidak boleh melupakan pengangkutan yang digunakan oleh orang-orang Melayu. Aspek pengangkutan yang terdapat dalam buku teks ialah sebanyak 1.3% (2). Antara pengangkutan yang terdapat dalam buku teks ialah bot kecil (hlm. 48). Orang Melayu menggunakan bot kecil untuk mengangkut penumpang-penumpang yang ingin pergi ke Taman Negara. Sampan juga (hlm. 104) digunakan untuk pergi ke sesuatu destinasi di samping digunakan untuk menangkap ikan.

*Jadual 8: Peratus budaya Melayu yang terdapat dalam buku teks*

	Kekerapan	Peratus
adat	7	4.5
agama	9	5.7
bahasa	0	0.0
bangsa	1	0.6
bangunan	3	1.9
gender	2	1.3
hubungan luar	2	1.3
komunikasi	7	4.5
makanan	5	3.2
masalah sosial	1	0.6
pakaian	27	17.2
patriotik	1	0.6
pekerjaan	19	12.1
pemikiran	16	10.2
pendidikan	2	1.3
pengangkutan	2	1.3
peralatan	8	5.1
perhiasan	13	8.3
seni muzik	0	0.0
seni sastera	22	14.0
seni tenun	0	0.0
seni ukir	10	6.4
sejarah	0	0.0
<hr/>		
Jumlah	157	100.0

Budaya universal ialah unsur-unsur budaya yang mempunyai ciri-ciri universal, terutamanya unsur-unsur budaya yang diamalkan oleh semua kaum yang terdapat di Malaysia seperti, kaum Melayu, Cina, India dan lain-lain kaum yang terdapat di Malaysia. Berdasarkan jadual 1, budaya universal merupakan budaya yang kedua banyak terdapat dalam buku teks yang dikaji berbanding dengan budaya kaum yang lain, iaitu sebanyak 39.1% (136).

(i) Makanan merupakan unsur yang paling banyak digambarkan dalam budaya universal (36.0%) berbanding dengan unsur-unsur budaya yang lain. Makanan yang paling banyak ditonjolkan ialah buah-buahan yang menjadi kegemaran rakyat Malaysia. Antaranya ialah buah nona (hlm. 154, 167), buah gajus (hlm. 154), buah durian (hlm. 155, 167, 170), buah manggis (hlm. 153, 167, 170), pisang (hlm. 155, 166, 170), mangga (hlm. 155), ciku (hlm. 155, 167, 170), belimbing (hlm. 155, 170), betik (hlm. 167, 168, 170, 174), jambu (hlm. 167), rambutan (hlm. 167), tembikai (hlm. 167, 170), dan nenas (hlm. 167, 170).

Manakala makanan dalam bentuk sayur pula, ialah sawi (hlm. 176). Makanan tradisional yang dimakan oleh kaum-kaum yang terdapat di Malaysia ialah budu, belacan, tempoyak, tempe, udang kering, sawi masin, tapai, keropok dan pisang salai (hlm. 71). Makanan tradisional

biasanya disediakan dengan cara tradisional atau secara perusahaan kecil termasuklah cara penapaian atau pemeraman, pengeringan dan pengasapan.

Makanan yang diperbuat daripada kelapa muda atau kelapa tua juga menjadi sebahagian daripada makanan rakyat Malaysia. Air kelapa muda (hlm. 89) umpamanya, merupakan minuman yang diminati oleh seluruh lapisan masyarakat. Air kelapa tua yang diproses pula dipanggil Nata De Koko, ia dicampurkan dengan buah-buahan atau air batu campur.

Seri kaya (hlm. 90) yang diproses daripada santan pula biasanya dimakan bersama dengan roti. Gula Melaka (hlm. 90) juga merupakan makanan yang diperbuat daripada kelapa, makanan ini biasanya digunakan untuk memasak lauk pauk atau membuat minuman.

(ii) Pakaian merupakan unsur yang kedua banyak (28.7%) dalam budaya universal berbanding dengan lain-lain unsur budaya universal. Rata-rata pelajar lelaki atau orang dewasa lelaki yang berbilang bangsa digambarkan memakai kemeja lengan pendek, dan kadang kala memakai kemeja lengan panjang (hlm. 2, 11, 18, 25, 29, 33, 34, 40, 66, 92, 119, 139, 145, 146, 150, 158, 160, 161, 172, 174, 203, 229, 253, 263 dan 276).

Baju T (T-Shirt) juga merupakan pakaian yang dipakai oleh orang dewasa, muda, lelaki mahu pun wanita. Baju T lengan pendek biasanya dipakai dalam keadaan tidak rasmi seperti semasa keluar membeli belah atau

keluar bekerja (hlm. 92, 158, 180, 222).

Buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3 menunjukkan skirt merupakan pakaian yang dipakai oleh pelajar-pelajar perempuan termasuklah pelajar Melayu, Cina dan India (hlm. 2, 11, 17, 25, 33, 34, 38 dan 40). Skirt dipadankan dengan tali leher di kalangan pelajar-pelajar yang menjadi pengawas sekolah.

(iii) Unsur peralatan yang terdapat dalam budaya universal ialah sebanyak 9.6% (13). Komputer (hlm. 246-248) merupakan salah satu peralatan yang digunakan oleh semua kaum untuk menyenangkan dan mempercepatkan kerja-kerja memproses data dan sebagainya. Mesin kira pula, ialah peralatan yang digunakan untuk membuat kira-kira dengan cepat dan tepat (hlm. 247).

Lain-lain peralatan yang digambarkan dalam buku teks ialah alat untuk mencari gali minyak (hlm. 261). Gambarajah halaman 261 menunjukkan jenis-jenis pelantar gerudi yang digunakan di luar pantai untuk mencari gali minyak. Antaranya ialah Pelantar 'Jack-up', Pelantar Kapal Penarik, Pelantar Terapung dan Kapal Penggerudi.

Petani moden pula, menggunakan peralatan pertanian yang moden, iaitu traktor, mesin penyembur racun, pam air dan mesin memproses ikan (hlm. 108). Penggunaan alat-alat pertanian yang moden ini boleh mempercepatkan kerja-kerja di ladang. Terdapat juga petani yang mengusahakan ladang secara moden, iaitu dengan menggunakan rumah kaca (hlm. 175). Tumbuh-tumbuhan di

dalam rumah kaca biasanya hidup di atas tanah dan terdedah kepada pancaran matahari yang masuk menembusi bumbung dan dinding kaca bangunan tersebut.

Radar (hlm. 259-260) pula, merupakan peralatan yang digunakan untuk mengesan sebarang objek di atmosfera dengan bantuan gelombang radio yang pendek. Radar antena berfungsi untuk memancarkan gelombang. Set radar Antena merupakan alat yang berbentuk piring besar yang berputar atau berayun ke kiri dan ke kanan.

Salah satu pekerjaan penduduk di negara ini ialah sebagai nelayan. Maka peralatan menangkap ikan yang dapat dilihat ialah, kelong dan bot menangkap ikan (hlm. 339). Bot-bot yang lebih besar biasanya digunakan untuk menangkap ikan di laut dalam. Lepasan universiti juga digalakkan menyertai bidang perikanan melalui program nelayan siswazah.

Dalam kerja-kerja yang berkaitan dengan perlombongan pula, melibatkan peralatan yang dipanggil pam kelikir (hlm. 318). Pam kelikir digunakan jika perlombongan yang dijalankan ialah lombong dedah.

(iv) Malaysia pada mulanya merupakan negara pertanian. Dengan itu ramai penduduk yang terlibat dengan kerja-kerja pertanian. Antaranya adalah bekerja sebagai peladang yang mengusahakan tanaman kelapa sawit (hlm. 99). Kelapa sawit yang ditanam kemudian diproses menjadi minyak sawit dan dedak isirung (hlm. 100-101), sehingga hari ini Malaysia merupakan pengeluar dan

pengeksport minyak isirung sawit yang utama di dunia.

Pekerjaan sebagai ahli arkeologi juga merupakan karier yang diceburi oleh rakyat yang berbilang kaum. Petikan 'Ahli Arkeologi Pencari Khazanah' (hlm. 136) menceritakan ahli arkeologi Malaysia bekerja di dalam dan di luar pejabat untuk mendapatkan bahan-bahan tinggalan sejarah. Pekerjaan mereka meliputi tiga tugas yang penting, iaitu mencari, mengkaji dan menghuraikan sesuatu bahan yang ditemukan.

Terdapat juga penduduk yang bekerja sebagai tukang perak yang mengukir tembaga. Bahan-bahan mentah yang diperlukan untuk menghasilkan barang-barang tembaga ialah sarung peluru, nikal dan zink. Proses membuat perhiasan tembaga umpamanya, sejenis alat yang dipanggil bindu (hlm. 297) digunakan agar lilin tembaga yang dilarik itu rata.

Selain itu, terdapat juga penduduk yang melibatkan diri dalam industri petroleum (hlm. 274-276). Industri ini terbahagi kepada beberapa bidang pekerjaan seperti jurutera, ahli geologi, geofizik, perangkawan, ahli-ahli penyelidik sains, peguam, akauntan, penganalisis sistem, pakar ekonomi, pegawai-pegawai pemasaran dan pentadbiran, dan kakitangan daripada berbagai-bagai kategori lain. Lebih 40 000 orang rakyat Malaysia yang menjalankan pekerjaan yang berkaitan dengan industri petroleum.

Masyarakat Malaysia merupakan masyarakat yang

berbilang kaum. Terdapat berbagai-bagai jenis pekerjaan yang diceburi oleh masyarakat di sini. Masyarakat berbilang bangsa juga bekerja sebagai nelayan (hlm. 339). Buku teks menyatakan 70% nelayan terdiri daripada bangsa Melayu, yang selebihnya ialah nelayan berbangsa Cina dan kaum-kaum yang lain.

Pekerjaan yang seterusnya ialah sebagai TUDM (Tentera Udara Diraja Malaysia). Petikan 'TUDM-Tugas Yang Mencabar' (hlm. 327-329) menyatakan pekerjaan sebagai TUDM diceburi oleh rakyat yang berbilang kaum. Antara nama-nama yang disebut ialah Leftenan Tan Hui Hock dan Leftenan Zulkifli.

Melombong emas juga merupakan pekerjaan rakyat Malaysia. Pelombong-pelombong dikatakan melombong secara kecil-kecilan, iaitu kaedah permukaan. Terdapat juga kaedah perlombongan yang lebih moden, iaitu di daerah Lipis yang menggunakan cara perlombongan bawah tanah (hlm. 318).

(v) Semangat patriotik yang terdapat dalam budaya universal ialah sebanyak 3.7% (5). Semangat patriotik dapat dilihat melalui kibaran bendera Jalur Gemilang di bangunan dan di sekolah. Bendera yang terbesar ialah bendera yang dinaikkan di bangunan Angkasapuri (hlm. 28). Bendera ini berukuran 85.3 meter panjangnya dan 24.3 meter lebar dengan menggunakan 60 gulung kain. Unsur-unsur patriotik juga terdapat di halaman 39 yang menggambarkan jata negara kita yang mempunyai ciri-ciri

yang tersendiri. Lima bilah keris di bahagian atas perisai itu melambangkan lima buah negeri yang dahulunya menjadi Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu, iaitu Johor, Kedah, Kelantan, Perlis, dan Terengganu.

Semangat patriotik juga turut diabadikan dalam lagu Negaraku (hlm. 40). Setiap sekolah diberi peruntukan satu waktu dalam seminggu untuk perhimpunan. Tujuan perhimpunan ini ialah untuk memupuk semangat perpaduan dan semangat kekitaan. Semasa perhimpunan inilah lagu 'Negaraku' akan dinyanyikan, kemudian bendera Malaysia dinaikkan perlahan-lahan. Lagu negeri, lagu sekolah, dan lagu-lagu patriotik seperti 'Malaysia Berjaya' dan sebagainya boleh juga dinyanyikan.

(vi) Unsur-unsur komunikasi digambarkan sebanyak 2.9% (4) dalam budaya universal. Orang yang beragama Islam memberi salam dengan menyebut 'Assalamualaikum dan salam sejahtera' sekiranya salam itu ditujukan kepada mereka yang beragama Islam dan bukan beragama Islam (hlm. 2, 141 dan 278). Kadangkala perkataan 'Assalamualaikum' akan dikombinasikan dengan perkataan 'selamat pagi' (hlm. 308) sekiranya salam itu diucapkan pada waktu pagi.

(vii) Masalah sosial wujud di mana-mana, tidak kira masyarakat apa sekalipun. Masalah sosial yang terdapat dalam budaya universal ialah sebanyak 2.2% (3). Masalah pengangguran siswazah juga merupakan satu penyakit sosial yang terdapat dalam masyarakat yang berbilang

kaum. Masalah ini mendapat perhatian dari Jabatan Perdana Menteri yang membentuk Jawatankuasa Kerja Petani Siswazah. Jawatankuasa ini memberi bantuan kepada siswazah menyertai sektor perikanan (hlm. 352). Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) pula, akan memberikan khidmat nasihat dan teknikal. Manakala Bank Pertanian Malaysia pula, menyediakan kemudahan pinjaman kepada para petani.

Keracunan makanan juga merupakan masalah sosial yang sering melanda masyarakat berbilang kaum. Masalah keracunan makanan ini berlaku di sekolah dan di kedai-kedai makan (hlm. 78-79). Keracunan makanan ini biasanya berpunca daripada amalan kebersihan diri yang tidak memuaskan serta tabiat menyediakan makanan yang tidak menghiraukan peraturan-peraturan kesihatan.

(viii) Apabila berbincang tentang budaya, kita juga tidak boleh lari daripada membincangkan budaya yang bercorak material seperti perhiasan. Perhiasan yang diperbuat daripada emas seperti rantai leher, gelang dan cincin (hlm. 307) menjadi perhiasan diri oleh masyarakat yang berbilang kaum di negara ini.

Hasil tenun merupakan kraftangan yang mengambil masa yang lama untuk disiapkan. Kain tenun Sabah dan Sarawak umpamanya mengambil masa selama empat hingga enam minggu untuk disiapkan. Kain yang ditenun dengan benang emas ini dikatakan mendapat sanjungan baik daripada rakyat tempatan mahu pun daripada masyarakat

luar negeri (hlm. 193).

(ix) Sebanyak 0.7% (1) budaya universal menggambarkan unsur adat. Membawa buah tangan semasa melawat orang sakit tidak kira sama ada di rumah atau pun di hospital merupakan adat yang diamalkan oleh rakyat yang berbilang kaum. Buah tangan ketika melawat orang yang sakit biasanya dalam bentuk buah-buahan. Petikan di halaman surat 204 menyebut Cikgu Harun dan Kim Ming yang membawa buah-buahan ketika melawat ibu Azlan, iaitu Mak Esah yang terlantar sakit di rumah.

(x) Hubungan luar yang ditunjukkan dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3 ialah sebanyak 0.7% (1). Hubungan luar di sini lebih banyak tertumpu kepada hubungan dari segi ekonomi. Petikan 'Perusahaan Minyak Sawit Malaysia' (hlm. 99-101) menyatakan Malaysia merupakan pengeluar dan pengeksport minyak isirung sawit yang utama di dunia. Ini bermakna Malaysia mempunyai hubungan perdagangan dengan negara-negara lain.

(xi) Sejarah pula, ditonjolkan sebanyak 0.7% (1) dalam budaya universal. Sejarah yang dimaksudkan ialah sejarah yang berkaitan dengan artifak. Kurator Arkeologi di Jabatan Muzium sentiasa bekerja di tempat atau kawasan yang ada kesan sejarah peninggalan manusia zaman dahulu (hlm. 137). Artifak yang ditemui mungkin terdiri daripada pecahan atau serpihan tembikar dan alat senjata yang diperbuat daripada batu atau logam. Tulang manusia atau binatang kerap juga ditemukan.

(xii) Lain-lain unsur budaya universal yang paling sedikit digambarkan dalam buku teks yang dikaji ialah aspek pemikiran, sejarah, adat, agama dan gender yang masing-masing 0.7% (1).

Sebagai kesimpulannya, budaya Universal paling banyak mencerminkan unsur makanan (36.0%) berbanding dengan lain-lain unsur yang dikaji. Unsur yang kedua banyak pula, ialah unsur pakaian (28.7%), dan diikuti dengan unsur peralatan (9.6%). Lain-lain unsur yang dicerminkan ialah unsur pekerjaan (8.1%), semangat patriotik (3.7%), komunikasi (2.9%), masalah sosial (2.2%), pendidikan (2.2%), perhiasan (1.5%). Manakala adat, agama, gender, hubungan luar, pemikiran, seni tenun, dan sejarah masing-masing sebanyak 0.7% (1).

Terdapat beberapa unsur yang tidak mendapat perhatian dalam budaya universal ialah unsur bahasa, bangsa, bangunan, pengangkutan, seni muzik, seni sastera dan seni ukir.

*Jadual 9: Unsur-unsur budaya universal yang terdapat dalam buku teks*

	Kekerapan	Peratus
adat	1	0.7
agama	1	0.7
bahasa	0	0.0
bangsa	0	0.0
bangunan	0	0.0
gender	1	0.7
hubungan luar	1	0.7
komunikasi	4	2.9
makanan	49	36.0
masalah sosial	3	2.2
pakaian	39	28.7
patriotik	5	3.7
pekerjaan	11	8.1
pemikiran	1	0.7
pendidikan	3	2.2
pengangkutan	0	0.0
peralatan	13	9.6
perhiasan	2	1.5
seni muzik	0	0.0
seni sastera	0	0.0
seni tenun	1	0.7
seni ukir	0	0.0
sejarah	1	0.7
<b>Jumlah</b>	<b>136</b>	<b>100.0</b>

Masyarakat Malaysia merupakan masyarakat majmuk. Antara lain-lain bangsa yang dimaksudkan dalam kajian ialah lain-lain bangsa yang tinggal di Malaysia seperti bangsa Sikh, Baba dan Nyonya, dan kaum peribumi di Sabah dan Sarawak. Jadual 1 menunjukkan budaya lain-lain mencakupi 9.2% (32) daripada keseluruhan unsur-unsur budaya yang dikaji.

(i) Jadual 10 menunjukkan unsur makanan paling banyak (31.3 %) digambarkan oleh buku teks dalam budaya lain-lain berbanding dengan unsur budaya yang lain. Makanan orang Baba dan Nyonya lebih merupakan makanan yang berempah dan pedas, dodol, wajik, tapai, baulu, kuih talam dan pulut seri kaya (hlm. 186). Kaum Baba dan Nyonya juga memakan ulam pegaga bersama dengan sambal belacan (hlm. 179). Makanan kaum Baba dan Nyonya dipengaruhi oleh masakan Melayu.

(ii) Unsur pakaian dalam budaya lain-lain ialah sebanyak 18.8% (6). Gambar-gambar yang terdapat dalam buku teks yang dikaji menunjukkan lelaki Sikh memakai semuntal (hlm. 18, 33, 161). Manakala keturunan Baba dan Nyonya pula, memakai salinan perkahwinan yang diperbuat daripada kain sutera. Gambar halaman 178 juga menunjukkan gadis-gadis keturunan Baba dan Nyonya yang memakai pakaian tradisional mereka. Manakala gambar halaman 185 pula, menunjukkan lelaki Baba yang memakai

pakaian tradisional mereka.

(iii) Seni tenun pula, digambarkan sebanyak 9.4% (3) dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSP Tingkatan 3.

Kaum peribumi di Sabah dan Sarawak membuat kain tenun (hlm. 196) yang biasanya dipakai semasa hari perkahwinan sebagai persalinan pengantin, semasa hari raya dan juga untuk menyambut kelahiran bayi. Manakala kain dastar atau kain mugah (hlm. 195) yang ditenun pula, sering digunakan dalam upacara keramaian seperti perkahwinan.

(iv) Seni muzik yang digambarkan dalam unsur budaya lain-lain ialah sebanyak 9.4% (3). Keturunan Baba dan Nyonya dicerminkan gemar berdondong sayang sambil berbalas pantun. Mereka juga pandai memainkan alat-alat muzik tradisional seperti gendang dan gong. Selain itu keturunan ini juga dikatakan gemar akan tarian ronggeng atau joget (hlm. 186).

(v) Adat yang digambarkan dalam budaya lain-lain ialah sebanyak 6.3% (2). Hantaran peminangan (hlm. 186) keturunan Baba dan Nyonya menggunakan bakul sia dan dulang-dulang yang berisi pulut kuning bersama dengan rendang ayam, sirih junjung, bunga telur serta bunga rampai. Pembawa hantaran pula, terdiri daripada lelaki dan perempuan yang memakai baju batik dan kebaya sulam.

(vi) Unsur-unsur bangsa yang disebut dalam budaya lain-lain pula, ialah sebanyak 6.2% (2). Kaum yang disebut ialah keturunan Baba dan Nyonya, iaitu Nyonya Lee (hlm. 179-181).

(vii) Dalam membincangkan unsur budaya, pengkaji juga tidak boleh mengeneptikan unsur-unsur gender. Gender budaya lain-lain dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3 ialah sebanyak 6.2% (2). Wanita sering dikaitkan dengan kerja-kerja menenun. Petikan 'Seni Tenun di Sabah dan Sarawak' (hlm. 194) menyatakan tokoh seni tenun ialah kaum perempuan, iaitu Cik Asmah Hipiue. Beliau mempelajari seni tenun daripada kaum perempuan, iaitu ibu saudaranya sendiri. Manakala seorang lagi ahli seni tenun yang disebut juga seorang perempuan iaitu Cik Rabia Selang (hlm. 194).

(viii) Unsur yang paling sedikit digambarkan dalam budaya lain-lain ialah unsur pemikiran (3.1%) dan peralatan (3.1%). Kaum peribumi di Sabah dan Sarawak umpamanya menggunakan raga yang diperbuat daripada buluh yang disandang di belakang untuk membawa barang-barang keperluan harian yang kecil saiznya (hlm. 192).

Petikan 'Seni Tenun di Sabah dan Sarawak' (hlm. 193-195) pula memperlihatkan pemikiran kaum peribumi di Sabah dan Sarawak. Mereka mencipta kain tenun yang bercorak geometrik dan simbolik. Motif yang dikemukakan ialah 'kuda berlari' kerana motif ini melambangkan kehidupan orang-orang Bajau yang berkuda.

Sebagai kesimpulannya, terdapat beberapa unsur budaya lain-lain yang mendapat tempat dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3. Antaranya ialah makanan (31.3%), pakaian (18.8%), seni muzik (9.4%),

seni tenun (9.4%), adat (6.3%), bangsa (6.3%), gender (6.2%), bahasa (3.1%), bangunan (3.1%), pemikiran (3.1%) dan peralatan (3.1%). Beberapa unsur budaya yang dikaji tetapi tidak mendapat perhatian ialah unsur agama, hubungan luar, komunikasi, masalah sosial, semangat patriotik, pekerjaan, pendidikan, pengangkutan, perhiasan, seni sastera, seni ukir dan sejarah.

*Jadual 10: Unsur-unsur budaya lain-lain yang terdapat dalam buku teks*

	Kekerapan	Peratus
adat	2	6.3
agama	0	0.0
bahasa	1	3.1
bangsa	2	6.2
bangunan	1	3.1
gender	2	6.2
hubungan luar	0	0.0
komunikasi	0	0.0
makanan	10	31.3
masalah sosial	0	0.0
pakaian	6	18.8
patriotik	0	0.0
pekerjaan	0	0.0
pemikiran	1	3.1
pendidikan	0	0.0
pengangkutan	0	0.0
peralatan	1	3.1
perhiasan	0	0.0
seni muzik	3	9.4
seni sastera	0	0.0
seni tenun	3	9.4
seni ukir	0	0.0
sejarah	0	0.0
<hr/>		
Jumlah	32	100.0

Jadual 6 menunjukkan unsur-unsur budaya asing yang terdapat dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3.

(i) Unsur budaya asing yang paling banyak digambarkan dalam buku teks ialah unsur bangsa (63.6%). Bangsa yang disebut ialah bangsa Siam (hlm. 214) yang mempunyai hubungan diplomatik dengan orang-orang Melaka.

Bangsa Babilonia pula, dikatakan sebagai bangsa yang mula-mula mencipta alat untuk mengira, iaitu lebih kurang lima ribu tahun dahulu, alat ini dikenali sebagai dekak-dekak atau sempoa (hlm. 247).

Bangsa Mesir, Turki dan Yunani pula, dikatakan bangsa yang mula-mula menggunakan sempoa untuk membuat kira-kira yang ringkas seperti campur, tolak dan darab (hlm. 248).

Charles Babbage yang berbangsa Jerman pula, dikatakan sebagai orang yang mencipta mesin yang dapat mengira dengan cepat dan tepat yang dinamakan enjin pembeza (hlm. 248). Kemudian beliau mencipta pula enjin beranalisis, sebab itulah Babbage digelar 'Bapa Komputer'.

(ii) Gambar halaman 307 pula, menunjukkan orang yang sedang mendulang emas memakai topi yang lazimnya dipakai oleh orang-orang barat. Unsur-unsur budaya Arab juga turut ditunjukkan oleh gambar di halaman 336.

Gambar tersebut menunjukkan sekumpulan lelaki Arab yang memakai pakaian yang biasanya dipakai oleh orang Arab.

(iii) Unsur-unsur budaya asing yang paling sedikit ditonjolkan dalam teks yang dikaji ialah, unsur agama dan unsur pendidikan yang masing-masing sebanyak 9.1% (1). Unsur agama yang ditunjukkan ialah orang-orang Arab yang beragama Islam, ini ditunjukkan oleh tulisan Arab dalam bentuk al-Quran (hlm. 127).

Sebagai kesimpulannya, hanya beberapa unsur budaya asing sahaja yang ditonjolkan dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3, antaranya ialah unsur bangsa (63.6%), pakaian (18.2%), agama (9.1%) dan pendidikan (9.1%).

*Jadual 11: Unsur-unsur budaya asing  
yang terdapat dalam buku teks*

	Kekerapan	Peratus
adat	0	0.0
agama	1	9.1
bahasa	0	0.0
bangsa	7	63.6
bangunan	0	0.0
gender	0	0.0
hubungan luar	0	0.0
komunikasi	0	0.0
makanan	0	0.0
masalah sosial	0	0.0
pakaian	2	18.2
patriotik	0	0.0
pekerjaan	0	0.0
pemikiran	0	0.0
pendidikan	1	9.1
pengangkutan	0	0.0
peralatan	0	0.0
perhiasan	0	0.0
seni muzik	0	0.0
seni sastera	0	0.0
seni tenun	0	0.0
seni ukir	0	0.0
sejarah	0	0.0
<hr/>		
Jumlah	11	100.0

Oleh kerana bangsa Cina merupakan kaum yang kedua besar di Malaysia. Maka unsur-unsur budaya bangsa Cina juga turut diberi perhatian dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3. Jadual 1, menunjukkan unsur-unsur budaya Cina yang digambarkan dalam buku teks yang dikaji ialah sebanyak 2.0% berbanding dengan budaya kaum lain.

(i) Jadual 12 pula, menunjukkan aspek yang paling banyak (42.9%) disentuh dalam budaya Cina ialah aspek yang berkaitan dengan bangsa Cina itu sendiri. Watak Kim Leng dalam petikan Kampung Gelanggang (hlm. 179-181) merupakan bangsa Cina yang sering bergaul dengan kaum lain seperti kaum India. Kim Leng juga berminat untuk mengetahui amalan budaya kaum Baba dan Nyonya.

(ii) Aspek pakaian merupakan unsur budaya yang kedua banyak (28.6%) dalam mengkaji unsur budaya Cina. Topi mengkuang sememangnya tidak boleh dipisahkan daripada orang-orang Cina terutamanya mereka yang bekerja di bawah panas matahari seperti sebagai seorang nelayan (hlm. 345 dan 347).

(iii) Buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3 menunjukkan 14.3% daripada unsur budaya Cina datang daripada unsur pekerjaan. Pekerjaan orang Cina ialah sebagai nelayan (hlm. 339).

(iv) Peralatan yang digunakan oleh orang-orang Cina

yang digambarkan dalam buku teks pula, ialah sempoa, iaitu sejenis alat yang digunakan untuk mengira (hlm. 246). Bangsa Cina adalah antara bangsa yang mula-mula menggunakan sempoa untuk membuat kira-kira seperti campur, tolak dan darab.

Sebagai kesimpulannya, unsur-unsur budaya Cina tidak begitu banyak (2.0%) ditonjolkan dalam buku teks KBSM Tingkatan 3 berbanding dengan unsur-unsur budaya lain seperti budaya Melayu, budaya asing, budaya lain-lain dan budaya universal. Hanya 4 unsur budaya sahaja yang diberi perhatian, iaitu unsur bangsa (42.9%), unsur pakaian (28.6%), unsur pekerjaan (14.3%) dan unsur peralatan (14.3%). Lain-lain unsur yang tidak diberi perhatian ialah seperti unsur agama, adat, bahasa, hubungan luar, makanan, masalah sosial, semangat patriotik, pemikiran, pendidikan, pengangkutan, perhiasan, seni muzik, seni sastera, seni tenun, seni ukir dan sejarah.

*Jadual 12: Unsur-Unsur budaya Cina  
yang terdapat dalam buku teks*

	Kekerapan	Peratus
adat	0	0.0
agama	0	0.0
bahasa	0	0.0
bangsa	3	42.9
bangunan	0	0.0
gender	0	0.0
hubungan luar	0	0.0
komunikasi	0	0.0
makanan	0	0.0
masalah sosial	0	0.0
pakaian	2	28.6
patriotik	0	0.0
pekerjaan	1	14.3
pemikiran	0	0.0
pendidikan	0	0.0
pengangkutan	0	0.0
peralatan	1	14.3
perhiasan	0	0.0
seni muzik	0	0.0
seni sastera	0	0.0
seni tenun	0	0.0
seni ukir	0	0.0
sejarah	0	0.0
<hr/>		
Jumlah	7	100.0

*Unsur-unsur Budaya India dalam Buku Teks*

Oleh kerana bangsa India merupakan bangsa yang ketiga besar di Malaysia, maka tumpuan kajian budaya juga diberi kepada unsur budaya India.

(i) Jadual 13 menunjukkan unsur budaya India yang paling banyak diberi perhatian oleh buku teks berbanding dengan unsur-unsur yang lain ialah unsur bangsa (40.0%). Petikan 'Dialog Dengan Sasterawan' (hlm. 2-4) menggambarkan Ravi yang berdialog dengan sasterawan Melayu. Begitu juga dengan petikan 'Kampung Gelanggang' (hlm. 179-181) yang menggambarkan watak Neela yang berdialog dengan Nyonya Lee.

(ii) Perhiasan orang-orang India yang dicerminkan dalam buku teks ialah sebanyak 20% (1). Gambar halaman surat 17 menunjukkan pelajar India yang bernama Rajeswari yang menjalinkan rambut yang lazimnya dilakukan oleh perempuan India yang berambut panjang, sama ada golongan muda mahu pun golongan tua.

(iii) Unsur komunikasi orang-orang India pula, ialah sebanyak 20% (1) berbanding dengan unsur-unsur yang lain. Petikan 'Dialog Dengan Sasterawan' (hlm. 2-4) pula, menunjukkan Ravi yang terlibat dalam wawancara dengan seorang sasterawan.

Kesimpulannya, budaya India hanya mencerminkan empat unsur yang utama, iaitu bangsa (40.0%), komunikasi (20.0%), pekerjaan (20.0%), dan perhiasan (20.0%). Lain-lain unsur yang dikaji tidak mendapat perhatian.

*Jadual 13: Unsur-unsur budaya India yang terdapat dalam buku teks*

	Kekerapan	Peratus
adat	0	0.0
agama	0	0.0
bahasa	0	0.0
bangsa	2	40.0
bangunan	0	0.0
gender	0	0.0
hubungan luar	0	0.0
komunikasi	1	20.0
makanan	0	0.0
masalah sosial	0	0.0
pakaian	0	0.0
patriotik	0	0.0
pekerjaan	1	20.0
pemikiran	0	0.0
pendidikan	0	0.0
pengangkutan	0	0.0
peralatan	0	0.0
perhiasan	1	20.0
seni muzik	0	0.0
seni sastera	0	0.0
seni tenun	0	0.0
seni ukir	0	0.0
sejarah	0	0.0
Jumlah	5	100.0

Ilustrasi dan gambar amat penting dalam aspek pendidikan pelbagai budaya, ilustrasi dan gambar dapat meningkatkan kefahaman pelajar terhadap budaya. Pelajar-pelajar boleh melihat dengan jelas bagaimana bentuk dan rupa budaya benda yang ingin digambarkan oleh penulis. Gambar dan ilustrasi kadang kala akan memberi penjelasan yang lebih berkesan berbanding dengan huraihan perkataan. Matlamat pengkaji juga ingin melihat bagaimana unsur-unsur budaya pelbagai kaum dicerminkan dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3. Dengan itu, pengkaji juga mengkaji gambar dan ilustrasi yang menggambarkan budaya pelbagai kaum yang terdapat di Malaysia dan di luar negara.

Jadual 14: Keseluruhan unsur-unsur budaya yang terdapat dalam ilustrasi dan gambar

<b>pengangkutan</b>	1.4 (2)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)
<b>peralatan</b>	2.2 (3)	0.7 (1)	0.0 (0)	0.7 (1)	0.0 (0)	0.7 (1)
<b>perhiasan</b>	0.7 (1)	0.0 (0)	0.7 (1)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.7 (1)
<b>seni muzik</b>	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)
<b>seni sastera</b>	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)
<b>seni tenun</b>	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	1.4 (2)	0.0 (0)	0.0 (0)
<b>seni ukir</b>	5.8 (8)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)
<b>sejarah</b>	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)
<b>Jumlah</b>	36.0 (50)	2.2 (3)	0.7 (1)	6.5 (9)	1.4 (2)	53.2 (74)

M = Budaya Melayu

C = Budaya Cina

I = Budaya India

L = Budaya lain-lain

A = Budaya asing

U = Budaya universal

nota :

Angka tanpa kurungan menunjukkan peratus unsur budaya.

Angka dalam kurungan menunjukkan kekerapan unsur budaya.

Jadual 14, menunjukkan unsur-unsur budaya yang terdapat dalam ilustrasi dan gambar yang terdapat dalam buku teks yang dikaji. Oleh kerana negara Malaysia terdiri daripada rakyat yang berbilang kaum, maka budaya yang berbentuk universal paling banyak (53.2%) dicerminkan dalam gambar dan ilustrasi berbanding dengan budaya lain-lain kaum.

(i) Jadual 15, menunjukkan pakaian merupakan unsur yang paling banyak (28.1%) dicerminkan dalam gambar dan ilustrasi budaya universal berbanding dengan unsur-unsur yang lain. Gambar dan ilustrasi banyak menunjukkan lelaki atau pelajar yang berbilang kaum memakai kemeja lengan pendek dan kemeja lengan panjang (hlm. 2, 11, 18, 25, 33, 34, 38, 66, 92, 119, 139, 145, 146, 150, 158, 160, 161, 172, 174, 203, 229, 253, 263, dan 276).

Kemeja lengan pendek pula, dipakai dalam situasi yang formal iaitu semasa menemuramah seseorang (hlm. 2). Kemeja lengan pendek yang dipakai oleh pengawas sekolah pula dipadankan dengan tali leher sekolah. Kemeja lengan pendek biasanya dipakai oleh pelajar lelaki sekolah, dan dipadankan dengan seluar panjang. Pelajar-pelajar perempuan juga memakai kemeja lengan pendek tetapi dipadankan dengan skirt.



*Ilustrasi 1: Kemeja lengan pendek (hlm. 2)*



*Ilustrasi 2: Skirt dipakai oleh pelajar perempuan  
(hlm. 229)*

Baju T lengan pendek pula, biasanya dipakai dalam keadaan yang tidak formal. Gambar di bawah menunjukkan baju T lengan pendek dipakai semasa urusan jual beli sama ada di pasar mahu pun di ladang (hlm. 92, 158, 180, 222). Manakala baju T lengan panjang pula, dipakai semasa beristirehat di rumah.



*Ilustrasi 3: Baju T lengan pendek (hlm. 92)*

Skirt pula, biasanya dipakai oleh pelajar-pelajar perempuan yang berbilang kaum seperti Melayu, Cina, India dan lain-lain. Buku teks lebih banyak memaparkan skirt yang dipakai oleh pelajar-pelajar sekolah (hlm. 2, 11, 17, 25, 33, 34, 38 dan 40).

(ii) Jadual 15, menunjukkan makanan merupakan unsur yang kedua banyak (20.9%) yang digambarkan oleh gambar dan ilustrasi dalam budaya universal berbanding dengan lain-lain unsur. Makanan yang dinyatakan sebagai makanan pelbagai kaum di Malaysia ialah buah-buahan, iaitu buah nona, gajus, durian, manggis, pisang, mangga, ciku,


belimbing, betik, jambu, rambutan, tembikai dan nenas



*Gambar 1: Buah-buahan (hlm. 167)  
(budaya universal)*

Selain buah-buahan, sawi merupakan sayur yang dimakan oleh masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia. (hlm. 176). Cara penanaman sawi dalam ladang konsep baru ialah secara 'Phyto Farm', iaitu penanaman dalam rumah kaca.

(iii) Unsur patriotik budaya universal digambarkan sebanyak 2.2% (3). Semangat patriotik banyak ditunjukkan dengan gambar-gambar tentang bendera Malaysia, iaitu Jalur gemilang (hlm. 28, 29, 39).



*Gambar 2: Unsur patriotik - bendera Malaysia (budaya universal) (hlm. 29)*

(iv) Unsur pekerjaan yang dicerminkan dalam gambar dan ilustrasi ialah sebanyak 0.7% (1) berbanding dengan unsur-unsur yang lain dalam budaya universal. Pekerjaan yang diceburi oleh masyarakat yang berbilang kaum ialah sebagai nelayan (hlm. 347) yang menangkap ikan secara tradisional dan moden.



*Gambar 3: Pekerjaan sebagai nelayan (hlm. 347) (budaya universal)*

v. Peralatan yang dicerminkan dalam gambar dan ilustrasi ialah sebanyak 0.7% (1) berbanding dengan unsur-unsur yang lain dalam budaya universal. Peralatan yang dimaksudkan ialah komputer (hlm. 253). Teks menyatakan kian banyak anggota masyarakat yang terpikat oleh penggunaan komputer peribadi, ini kerana peralatan tersebut dikatakan dapat mempercepatkan pelbagai urusan dan juga dijadikan sebagai sumber hiburan.



*Gambar 4: Peralatan - komputer (hlm. 253)  
(budaya universal)*

(vi) Perhiasan juga mendapat perhatian dalam buku teks yang dikaji. Unsur perhiasan dalam gambar dan ilustrasi ialah sebanyak 0.7% (1) berbanding dengan unsur-unsur lain dalam budaya universal. Ilustrasi terhadap emas terdapat dalam berbagai bentuk seperti cincin, gelang, subang dan rantai leher (hlm. 307). Perhiasan emas ini dipakai oleh semua kaum yang terdapat

di Malaysia tanpa mengira lapisan masyarakat.



*Ilustrasi 4: Perhiasan - emas (hlm. 307)  
(budaya universal)*

Sebagai kesimpulannya, beberapa unsur yang diberi perhatian oleh gambar dan ilustrasi dalam budaya universal ialah unsur pakaian (28.1%), makanan (20.9%) dan semangat patriotik (2.2%). Unsur-unsur yang paling sedikit digambarkan ialah pekerjaan, peralatan dan perhiasan yang masing-masing digambarkan sebanyak 0.7% (1). Manakala unsur-unsur lain yang tidak diberi perhatian langsung ialah unsur adat, agama, bahasa, bangsa, bangunan, gender, hubungan luar, komunikasi, masalah sosial, pemikiran, pendidikan, pengangkutan, seni muzik, seni sastera, seni tenun, seni ukir dan sejarah.

*Jadual 15: Unsur-unsur budaya universal  
dalam gambar dan ilustrasi*

	Kekerapan	Peratus
adat	0	0.0
agama	0	0.0
bahasa	0	0.0
bangsa	0	0.0
bangunan	0	0.0
gender	0	0.0
hubungan luar	0	0.0
komunikasi	0	0.0
makanan	29	20.9
masalah sosial	0	0.0
pakaian	39	28.1
patriotik	3	2.2
pekerjaan	1	0.7
pemikiran	0	0.0
pendidikan	0	0.0
pengangkutan	0	0.0
peralatan	1	0.7
perhiasan	1	0.7
seni muzik	0	0.0
seni sastera	0	0.0
seni tenun	0	0.0
seni ukir	0	0.0
sejarah	0	0.0
<hr/>		
Jumlah	74	53.2

Oleh sebab perlombagaan Malaysia menggariskan bahawa kebudayaan kebangsaan mestilah berteraskan budaya Melayu, maka ilustrasi dan gambar yang terdapat dalam buku teks juga memaparkan banyak unsur-unsur budaya Melayu, iaitu sebanyak 36.0% (50) berbanding dengan budaya kaum lain. (Rujuk jadual 1)

(i) Jadual 16, menunjukkan ilustrasi dan gambar budaya Melayu paling banyak (19.4%) memaparkan unsur pakaian. Semuntal umpamanya dipakai oleh lelaki Melayu yang agak berusia (hlm. 7, 215, 216, 291, dan 307). Ilustrasi di bawah menunjukkan seorang lelaki Melayu yang memakai semuntal semasa bekerja.



*Ilustrasi 5: Pakaian - semuntal (hlm. 291)  
(budaya Melayu)*

Baju batik pula, biasanya dipakai oleh lelaki Melayu (hlm. 106). Kadangkala baju batik juga dipadankan dengan songkok atau kopiah (hlm. 98, 215, 216 dan 291).



*Gambar 5: Pakaian – baju batik (hlm. 106)  
(budaya Melayu)*

Pakaian perempuan Melayu juga turut dicerminkan oleh gambar dan ilustrasi dalam budaya Melayu. Jenis pakaian yang banyak digambarkan ialah baju kebaya. Baju kebaya yang diperbuat daripada kain songket biasanya dipakai oleh pengantin perempuan Melayu (hlm. 178, 277).



*Gambar 6: Pakaian – baju Kebaya (hlm. 277)  
(budaya Melayu)*

Baju kurung pula, dipakai oleh setiap golongan masyarakat tidak kira sama ada tua atau muda. Baju kurung dipakai dalam situasi yang formal atau sebaliknya (hlm. 17, 25, 33, 59, 76, 80, 95, 139, 158, 160 dan 198). Baju kurung biasanya dipadankan dengan tudung kepala. Baju Kurung yang dipakai oleh pelajar-pelajar perempuan pula berwarna putih, dan dipadankan dengan kain yang berwarna biru.



*Ilustrasi 6: Pakaian - baju Kurung (hlm. 220)  
(budaya Melayu)*

(ii) Unsur budaya Melayu yang kedua banyak dalam ilustrasi dan gambar ialah unsur seni ukir (5.8%). Seni ukir yang digambarkan ialah dalam bentuk kraftangan, iaitu seni ukir tembikar (hlm. 117, 290 dan 291), antaranya ialah teko dan barang-barang cenderamata. Lain-lain seni ukir tembaga yang diusahakan oleh orang-

orang Melayu ialah acuan kuih, bekas basuh tangan, perenjis air mawar, tempat bara, tempat bunga, gobek, seterika arang, ketam kayu, tepak sireh dan cembul, kaki lilin, tempat tisu, bekas habuk rokok, kaki gelas, sudu, garpu, piala dan meriam kecil (hlm. 296).




Gambar 7: Seni ukir (hlm. 117)  
(budaya Melayu)

(iii) Jadual 16, menunjukkan unsur makanan dalam budaya Melayu yang dicerminkan dalam ilustrasi dan gambar ialah sebanyak 2.2% (3) berbanding dengan unsur-unsur yang lain. Tempe dan tapai (hlm. 72) merupakan makanan tradisional yang digemari oleh orang-orang Melayu. Makanan tradisional ini dibuat dengan cara tradisional atau secara perusahaan kecil seperti cara penapaian, pengeringan dan pengasapan.




*Ilustrasi 7: Makanan – tapai dan tempe (hlm. 72)  
(budaya Melayu)*

Tepung talam kelapa muda (hlm. 96-97) juga merupakan kuih tradisional yang digemari oleh orang-orang Melayu. Makanan tradisional tidak kira lauk-pauk atau pun kuih muah biasanya diperbuat daripada bahan-bahan yang senang didapati daripada alam sekitar, seperti kelapa muda yang digunakan untuk membuat tepung talam, dan ubi kayu yang digunakan untuk membuat tapai.



*Ilustrasi 8: Makanan – tepung talam (hlm. 96-97)  
(budaya Melayu)*

(iv) Unsur peralatan yang dicerminkan oleh gambar dan ilustrasi dalam budaya Melayu ialah sebanyak 2.2% (3) berbanding dengan unsur-unsur yang lain. Meriam ialah peralatan yang digunakan oleh orang-orang Melayu pada zaman dahulu untuk berperang, tetapi sekarang dijadikan sebagai barang warisan sejarah (hlm. 117).




Gambar 8: Peralatan - meriam (hlm. 117)  
(budaya Melayu)

Keris juga merupakan peralatan yang amat popular di kalangan orang-orang Melayu pada zaman dahulu kala. Pada zaman dahulu kala, keris sentiasa terselit di pinggang raja (hlm. 215). Manakala serikandi Melayu, iaitu Cik Siti Wan Kembang dan Puteri Saadong pula, dikatakan memiliki keris emas (hlm. 312).



*Ilustrasi 9: Peralatan - keris (hlm. 215)  
(budaya Melayu)*


(v) Unsur bangunan Melayu yang dicerminkan dalam ilustrasi dan gambar pula, adalah sebanyak 1.4% (2) berbanding dengan unsur-unsur yang lain. Bangunan yang direka bercorak rumah Minangkabau pula, diabadikan di Bandar Raya Bersejarah Melaka (hlm. 133). Bangunan ini mempamirkan persembahan 'Cahaya dan Bunyi' untuk menyingkap sejarah negeri Melaka dari zaman Parameswara pada tahun 1400 hingga zaman kemerdekaan Malaya pada tahun 1957. Keunikan reka bentuk Minangkabau ini juga diabadikan pada bangunan Muzium Negara (hlm. 237).



Gambar 9: Bangunan Minangkabau (hlm. 133)  
(budaya Melayu)

(vi) Gambar dan ilustrasi mencerminkan unsur pekerjaan orang-orang Melayu ialah sebanyak 1.4% (2) berbanding dengan unsur-unsur yang lain. Orang Melayu banyak terlibat dalam bidang perikanan. Lebih kurang 70%

dari pada kaum nelayan yang terdapat di Malaysia adalah datangnya dari bangsa Melayu (hlm. 339). Mereka menangkap ikan dengan menggunakan cara pukat hanyut, pukat tarik, pukat tangkul, dan pukat tunda.



*Ilustrasi 10: Peralatan - pukat tarik (hlm. 339)  
(budaya Melayu)*

Terdapat juga orang-orang Melayu yang bertugas untuk mempertahankan tanahair, iaitu sebagai askar (hlm. 322). Askar dipandang sebagai pekerjaan yang mulia kerana mereka membela dan mempertahankan kemerdekaan tanahair. Malah terdapat sajak yang bertajuk 'Wiraku' (hlm. 322) yang menceritakan pengorbanan seorang askar.



*Ilustrasi 11: Pekerjaan sebagai askar (hlm. 322)  
(budaya Melayu)*

(vii) Unsur pengangkutan orang-orang Melayu yang dicerminkan dalam gambar dan ilustrasi ialah sebanyak 1.4% (2) berbanding dengan unsur-unsur yang lain. Buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3 lebih banyak mencerminkan pengangkutan yang bercorak tradisional. Antaranya termasuklah bot yang digunakan untuk pergi ke sesuatu destinasi seperti ke Gunung Tahan (48). Bot biasanya digunakan untuk membawa penumpang dalam jumlah yang lebih ramai berbanding dengan sampan.



Gambar 10: Pengangkutan - bot (hlm. 48)  
(budaya Melayu)

Manakala sampan pula, lebih banyak digunakan untuk menangkap ikan di sungai (hlm. 104). Ada juga sampan

yang menggunakan dua orang pendayung, iaitu seorang pendayung di bahagian haluan, dan seorang lagi dibahagian buritan. Bot biasanya membawa penumpang dalam jumlah yang sedikit kerana saiznya yang kecil.



*Ilustrasi 12: Pengangkutan – sampan (hlm. 104)  
(budaya Melayu)*

Sebagai kesimpulannya, unsur budaya Melayu yang paling banyak dicerminkan dalam gambar dan ilustrasi berbanding dengan unsur yang lain ialah unsur pakaian, iaitu 19.4% (27). Manakala unsur yang kedua banyak ialah seni ukir, iaitu 5.8% (8), diikuti dengan unsur makanan (2.2%). lain-lain unsur yang dicerminkan ialah unsur agama, bangunan, pekerjaan dan pengangkutan yang masing-masing 1.4%. Unsur budaya Melayu yang paling kurang

ditonjolkan oleh gambar dan ilustrasi dalam buku teks yang dikaji ialah unsur perhiasan (0.7%). Manakala unsur-unsur yang tidak mendapat perhatian pula, adalah unsur adat, bahasa, bangsa, gender, hubungan luar, komunikasi, masalah sosial, semangat patriotik, pemikiran, pendidikan, seni muzik, seni sastera, seni tenun dan sejarah.

Jadual 16: Unsur-unsur budaya Melayu  
dalam gambar dan Ilustrasi

	Kekerapan	Peratus
adat	0	0.0
agama	2	1.4
bahasa	0	0.0
bangsa	0	0.0
bangunan	2	1.4
gender	0	0.0
hubungan luar	0	0.0
komunikasi	0	0.0
makanan	3	2.2
masalah sosial	0	0.0
pakaian	27	19.4
patriotik	0	0.0
pekerjaan	2	1.4
pemikiran	0	0.0
pendidikan	0	0.0
pengangkutan	2	1.4
peralatan	3	2.2
perhiasan	1	0.7
seni muzik	0	0.0
seni sastera	0	0.0
seni tenun	0	0.0
seni ukir	8	5.8
sejarah	0	0.0
<hr/>		
Jumlah	50	36.0

Budaya lain-lain yang terdapat dalam gambar dan ilustrasi ialah sebanyak 6.5% (9) berbanding budaya kaum yang lain. Budaya Lain-lain bermaksud unsur-unsur budaya kaum bumiputra yang terdapat di Sabah dan Sarawak, budaya Baba dan Nyonya, dan budaya kaum Sikh.

(i) Jadual 17, menunjukkan unsur pakaian paling banyak (4.3%) dicerminkan dalam gambar dan ilustrasi budaya lain-lain berbanding dengan unsur-unsur budaya yang lain. Pakaian yang menjadi perhatian ialah pakaian yang dipakai oleh orang-orang Sikh (hlm. 18, 33, 161, 172). Kaum lelaki Sikh tidak kira tua atau muda biasanya akan memakai semuntal di kepala yang dipadankan dengan kemeja lengan pendek mahupun kemeja lengan panjang.



*Ilustrasi 13: Semuntal kaum Sikh (hlm. 18)  
(budaya lain-lain)*

Keunikan pakaian Baba dan Nyonya juga ditonjolkan dalam buku teks yang dikaji. Pengantin lelaki dan perempuan umpamanya, akan memakai baju pengantin yang


diperbuat daripada kain songket. Kaum lelaki akan memadankan pakaian mereka dengan topi dan rambut mereka yang panjang pula akan dijalin kemas. Manakala pakaian tradisional kaum perempuan pula, adalah baju berlengan panjang yang dipadankan dengan kain sarung bercorak batik.



*Gambar 11: Pakaian Baba dan Nyonya (hlm. 178)  
(budaya lain-lain)*

(ii) Oleh sebab kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak dikategorikan dalam budaya lain-lain . Maka unsur-unsur budaya mereka yang terdapat dalam gambar dan ilustrasi juga diberi perhatian oleh pengkaji. Jadual 17 menunjukkan seni tenun kaum bumiputera di Sabah dan di Sarawak merupakan unsur yang kedua banyak (1.4%) yang terdapat dalam gambar dan ilustrasi berbanding dengan unsur yang lain. Pengeluaran kain tenunan Sarawak (hlm. 194) dikatakan amat terhad kerana untuk menghasilkannya, diperlukan masa selama empat hingga enam minggu. Kain

ini biasanya dipakai pada hari perkahwinan atau pun pada hari raya.



*Gambar 12: Seni tenun - kain tenun di Sabah dan Sarawak  
(budaya lain-lain) (hlm. 194)*

(iii). Unsur budaya Lain-lain yang paling sedikit (0.7%) dicerminkan dalam gambar dan ilustrasi berbanding dengan unsur yang lain ialah unsur peralatan. Raga adalah peralatan yang digunakan untuk mengisi barang keperluan yang kecil saiznya. Hasil pertanian yang kecil saiznya seperti buah-buahan yang ingin dijual juga kadang-kadang akan diangkut dengan menggunakan raga (hlm 192).



*Gambar 13: Peralatan - Raga yang terdapat di Sabah dan Sarawak (hlm. 192) (budaya lain-lain)*


Lain-lain unsur budaya yang tidak mendapat perhatian dalam budaya lain-lain ialah unsur adat, agama, bangsa, bahasa, bangunan, gender, hubungan luar, komunikasi, makanan, masalah sosial, semangat patriotik, pekerjaan, pemikiran, pendidikan, pengangkutan, perhiasan, seni muzik, seni sastera, seni ukir dan sejarah.

*Jadual 17: Unsur-unsur budaya lain-lain dalam gambar dan ilustrasi*

	Kekerapan	Peratus
adat	0	0.0
agama	0	0.0
bahasa	0	0.0
bangsa	0	0.0
bangunan	0	0.0
gender	0	0.0
hubungan luar	0	0.0
komunikasi	0	0.0
makanan	0	0.0
masalah sosial	0	0.0
pakaian	6	4.3
patriotik	0	0.0
pekerjaan	0	0.0
pemikiran	0	0.0
pendidikan	0	0.0
pengangkutan	0	0.0
peralatan	1	0.7
perhiasan	0	0.0
seni muzik	0	0.0
seni sastera	0	0.0
seni tenun	2	1.4
seni ukir	0	0.0
sejarah	0	0.0
<hr/>		
Jumlah	9	6.5

Jadual 14, menunjukkan budaya kaum Cina yang terdapat dalam gambar dan ilustrasi ialah sebanyak 2.2% (3) berbanding dengan budaya kaum yang lain.


(i) Jadual 18, menunjukkan unsur budaya Cina yang paling banyak digambarkan berbanding dengan unsur yang lain ialah unsur pakaian, iaitu 1.4% (2). Unsur pakaian orang-orang Cina yang ditunjukkan ialah topi yang diperbuat daripada daun mengkuang (hlm. 345 dan 347). Topi mengkuang ini digunakan oleh para nelayan yang bekerja di bawah panas matahari. Saiz topi yang agak besar ini boleh melindungi kepala dan muka si pemakai daripada sinaran matahari.



*Ilustrasi 14: Pakaian – topi mengkuang (hlm. 345)  
(budaya Cina)*

(ii) Berdasarkan rajah 18, peralatan orang-orang Cina dicerminkan dalam gambar dan ilustrasi berbanding

dengan unsur-unsur yang lain ialah sebanyak 0.7% (1). Sempoa (hlm. 246) merupakan peralatan yang digunakan untuk membuat kira-kira seperti campur, tolak dan darab secara manual.



Gambar 14: Peralatan - sempoa (hlm. 246)  
(budaya Cina)

Sebagai kesimpulannya, gambar dan ilustrasi yang terdapat dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3 hanya memaparkan dua unsur budaya orang-orang Cina sahaja, iaitu unsur pakaian (1.4%) dan unsur peralatan (0.7%). Lain-lain unsur budaya yang tidak mendapat perhatian ialah unsur adat, agama, bahasa, bangsa, bangunan, gender, hubungan luar, komunikasi, makanan, masalah sosial, semangat patriotik, pekerjaan, pemikiran, pendidikan, pengangkutan, perhiasan, seni muzik, seni sastera, seni tenun, seni ukir dan sejarah.

*Jadual 18: Unsur-unsur budaya Cina  
dalam gambar dan ilustrasi*

	Kekerapan	Peratus
adat	0	0.0
agama	0	0.0
bahasa	0	0.0
bangsa	0	0.0
bangunan	0	0.0
gender	0	0.0
hubungan luar	0	0.0
komunikasi	0	0.0
makanan	0	0.0
masalah sosial	0	0.0
pakaian	2	1.4
patriotik	0	0.0
pekerjaan	0	0.0
pemikiran	0	0.0
pendidikan	0	0.0
pengangkutan	0	0.0
peralatan	1	0.7
perhiasan	0	0.0
seni muzik	0	0.0
seni sastera	0	0.0
seni tenun	0	0.0
seni ukir	0	0.0
sejarah	0	0.0
<hr/>		
Jumlah	3	2.2

*Unsur Budaya Asing dalam Gambar dan Ilustrasi*

Jadual 14, menunjukkan unsur budaya asing yang dicerminkan dalam gambar dan ilustrasi ialah sebanyak 1.4% (2) berbanding dengan budaya lain.

(i) Jadual 19 pula, menunjukkan hanya satu unsur budaya asing yang dicerminkan oleh gambar dan ilustrasi iaitu unsur pakaian (1.4%). Unsur budaya asing yang dicerminkan ialah unsur budaya barat iaitu pada topi (hlm. 307) yang digunakan untuk mendulang emas. Fungsi topi di sini ialah untuk melindungi kepala dan muka daripada sinaran matahari.



*Ilustrasi 15: Topi (hlm. 307)  
(budaya asing)*

Unsur-unsur budaya asing yang lain ialah budaya Arab yang dapat dilihat pada pakaian di kalangan lelaki Arab dalam petikan 'Kembali Ke Makkah' (hlm. 336).

Lelaki Arab biasanya akan memakai jubah dan kepala mereka juga akan ditutup dengan kain.



*Ilustrasi 16: Pakaian Arab (hlm. 336)  
(budaya asing)*

Sebagai kesimpulannya, budaya asing hanya mencerminkan satu unsur sahaja dalam gambar dan ilustrasi, iaitu unsur pakaian. Manakala lain-lain unsur yang dikaji tetapi tidak dicerminkan dalam buku teks ialah unsur adat, agama, bangsa, bahasa, bangunan, gender, hubungan luar, komunikasi, makanan, masalah sosial, semangat patriotik, pekerjaan, pemikiran, pendidikan, pengangkutan, peralatan, perhiasan, seni muzik, seni sastera, seni tenun, seni ukir dan sejarah.

*Jadual 19: Unsur-unsur budaya asing  
yang terdapat dalam gambar dan  
ilustrasi*

	Kekerapan	Peratus
adat	0	0.0
agama	0	0.0
bahasa	0	0.0
bangsa	0	0.0
bangunan	0	0.0
gender	0	0.0
hubungan luar	0	0.0
komunikasi	0	0.0
makanan	0	0.0
masalah sosial	0	0.0
pakaian	2	1.4
patriotik	0	0.0
pekerjaan	0	0.0
pemikiran	0	0.0
pendidikan	0	0.0
pengangkutan	0	0.0
peralatan	0	0.0
perhiasan	0	0.0
seni muzik	0	0.0
seni sastera	0	0.0
seni tenun	0	0.0
seni ukir	0	0.0
sejarah	0	0.0
Jumlah	2	1.4

*Unsur Budaya India dalam Gambar dan Ilustrasi*

Rajah 14, menunjukkan ilustrasi dan gambar memaparkan paling sedikit budaya kaum India, iaitu sebanyak 0.7% (1) berbanding dengan budaya kaum yang lain.

(i) Jadual 20, menunjukkan hanya satu unsur budaya kaum India sahaja yang terdapat dalam gambar dan ilustrasi, iaitu unsur perhiasan (hlm. 17). Kaum perempuan India tidak kira tua atau muda akan menjalinkan rambut sekiranya mereka berambut panjang. Di hujung jalinan itu akan diikat dengan getah atau reben.

Sebagai kesimpulannya, budaya universal paling banyak (53.2%) dicerminkan oleh gambar dan ilustrasi dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3 berbanding dengan budaya kaum-kaum yang lain. Budaya Melayu pula merupakan budaya yang kedua banyak (36.0%) dicerminkan oleh gambar dan ilustrasi berbanding dengan budaya yang lain. Diikuti oleh budaya lain-lain (6.5%), budaya Cina (2.2%), dan budaya Asing (1.4%). Budaya India pula, paling sedikit (0.7%) dicerminkan oleh gambar dan ilustrasi. Terdapat beberapa unsur budaya India yang tidak dicerminkan dalam gambar dan ilustrasi, iaitu unsur adat, bahasa, bangsa, gender, hubungan luar, komunikasi, masalah sosial, pemikiran, pendidikan, seni muzik, seni sastera, seni ukir dan sejarah.

*Jadual 20: Unsur-unsur budaya India  
dalam gambar dan ilustrasi*

	Kekerapan	Peratus
adat	0	0.0
agama	0	0.0
bahasa	0	0.0
bangsa	0	0.0
bangunan	0	0.0
gender	0	0.0
hubungan luar	0	0.0
komunikasi	0	0.0
makanan	0	0.0
masalah sosial	0	0.0
pakaian	0	0.0
patriotik	0	0.0
pekerjaan	0	0.0
pemikiran	0	0.0
pendidikan	0	0.0
pengangkutan	0	0.0
peralatan	0	0.0
perhiasan	1	0.7
seni muzik	0	0.0
seni sastera	0	0.0
seni tenun	0	0.0
seni ukir	0	0.0
sejarah	0	0.0
Jumlah	1	0.7

Perbandingan antara Petikan yang  
Terdapat dalam Buku Teks

Pendidikan Bahasa Malaysia diharapkan boleh meningkatkan penguasaan kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis di kalangan pelajar remaja, dan memupuk kepekaan terhadap variasi bahasa dalam pelbagai situasi, sistem bahasa dan gaya bahasa yang indah.

Untuk mencapai matlamat ini pelajar-pelajar sekolah menengah dibimbang untuk menguasai kecekapan berbahasa untuk berkomunikasi dengan berkesan bagi melahirkan fikiran dan perasaan tentang ilmu pengetahuan, hal-hal persendirian dan kemasyarakatan dalam konteks rasmi, tidak rasmi dan kreatif melalui lisan dan penulisan.

Buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3 yang setebal 364 muka surat terbahagi kepada 20 unit. Dalam setiap unit itu terbahagi kepada 5 bahagian, iaitu:

- (1) Bahagian mendengar dan bertutur
- (2) Bahagian tatabahasa
- (3) Bahagian membaca dan memahami
- (4) Bahagian menulis
- (5) Bahagian bacaan luas

Walau bagaimana pun, pengkaji hanya mengkaji empat bahagian sahaja, iaitu bahagian kemahiran mendengar dan bertutur, bahagian kemahiran membaca dan memahami, bahagian kemahiran menulis, dan bahagian kemahiran

bacaan Luas. Bahagian tatabahasa tidak dikaji kerana bahagian ini tidak mempunyai fokus terhadap sesuatu isi atau maklumat, bahagian tatabahasa ini lebih menekankan kemahiran berbahasa.

Jadual 21, menunjukkan budaya Melayu paling banyak digambarkan dalam keempat-empat bahagian kemahiran berbahasa berbanding dengan budaya kaum lain, iaitu sebanyak 51.2% (107). Berdasarkan kepada keempat-empat pembahagian itu juga, unsur budaya universal kedua banyak dicerminkan dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3 berbanding dengan budaya kaum yang lain, iaitu sebanyak 29.7 % (62). Diikuti pula oleh budaya lain-lain sebanyak 11.0% (23). Budaya asing secara keseluruhannya mencapai 4.3% (9). Budaya Cina dan budaya India paling kurang ditonjolkan dalam keempat-empat pembahagian itu berbanding dengan kaum-kaum yang lain, iaitu masing-masing sebanyak 1.9% (4).

*Jadual 21: Perbandingan budaya mengikut pembahagian kemahiran*

Bahagian	M	C	I	L	A	U
Mendengar dan Bertutur	26.8 (56)	1.9 (4)	1.4 (3)	3.3 (7)	3.3 (7)	5.7 (12)
Membaca dan Memahami	20.1 (42)	0.0 (0)	0.5 (1)	5.3 (11)	0.5 (1)	12.9 (27)
Menulis	2.9 (6)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.5 (1)	6.2 (13)
Bacaan Luas	1.4 (3)	0.0 (0)	0.0 (0)	2.4 (5)	0.0 (0)	4.8 (10)
Jumlah	51.2 (107)	1.9 (4)	1.9 (4)	11.0 (23)	4.3 (9)	29.7 (62)

M = budaya Melayu

C = budaya Cina

I = budaya India

L = budaya lain-lain

A = budaya asing

U = budaya universal

Nota :

Angka dalam kurungan menunjukkan kekerapan unsur budaya.

Angka tanpa kurungan menunjukkan peratus unsur budaya.

#### *Petikan Mendengar dan Bertutur*

Dalam kemahiran mendengar dan bertutur, pelajar-pelajar harus cekap menerima dan memproses maklumat

serta dapat mengeluarkan idea secara kritis dan analitis tentang bidang ilmu pengetahuan dan kegiatan harian dengan menggunakan bahasa yang berkesan.

Ini bermakna pelajar-pelajar yang boleh mendengar dan bertutur dengan baik boleh berkomunikasi dengan berkesan. Jadual 23, menunjukkan unsur budaya yang terdapat dalam bahagian mendengar dan bertutur.

(i) Data yang terdapat pada jadual 22 dengan jelas menunjukkan budaya Melayu paling banyak (62.9%) digambarkan dalam petikan mendengar dan bertutur berbanding dengan budaya kaum yang lain. Jadual 11 pula, menunjukkan secara terperinci unsur-unsur budaya Melayu yang terdapat dalam petikan mendengar dan bertutur. Unsur yang paling banyak dicerminkan dalam buku teks berbanding dengan unsur yang lain ialah unsur seni sastera (12.4%). Antara item-item yang digambarkan ialah sajak, syair, pantun, gurindam, nazam, cerpen, novel, drama dan seloka (hlm. 2 dan 3).

Manakala unsur budaya Melayu yang kedua banyak berbanding dengan unsur yang lain pula, ialah unsur perhiasan (11.2%). Unsur-unsur perhiasan yang turut diberi perhatian ialah perhiasan yang diperbuat daripada perak seperti pisau, sudu, garpu, cincin, loket, rantai leher, gelang, cucuk sanggul, pending dan tempat abu rokok (hlm. 291).

Diikuti pula, oleh unsur pekerjaan dan pemikiran yang masing-masing 6.7% (6). Pekerjaan orang-orang Melayu pula ialah sebagai petani (hlm. 104), pekebun kecil(hlm. 104), tukang perak (hlm. 289), mendulang emas (hlm. 306), nelayan (hlm. 339) dan juga sebagai pengusaha kecil (hlm. 156). Unsur pemikiran orang-orang Melayu pula sering dikaitkan dengan mengadakan kenduri kendara untuk melahirkan rasa kesyukuran (hlm. 104), bermandi-manda di sungai (hlm. 105), dan sentiasa bersyukur dengan apa yang ada (hlm. 292).

Unsur adat dan unsur komunikasi sama banyak digambarkan, iaitu sebanyak 5.6% (5). Unsur-unsur adat ialah taat setia kepada raja (hlm. 5, 6 dan 7). Unsur-unsur komunikasi pula, adalah sentiasa memberi salam semasa bertemu atau semasa ingin berucap dalam sesuatu majlis (hlm. 2, 141, 278, 289, dan 308).

Lain-lain unsur yang terdapat dalam petikan mendengar dan bertutur ialah, unsur agama (4.5%), gender (2.2%), makanan (2.2%), peralatan (2.2%). Unsur agama yang terdapat ialah menunaikan solat apabila tiba waktunya (hlm. 45), sentiasa berdoa kepada tuhan (hlm. 105), sentiasa mengucapkan syukur (hlm. 105) dan bermimpi berjumpa dengan wali (hlm. 52).

Unsur-unsur gender pula, menggambarkan pekerjaan orang-orang Melayu rata-ratanya sebagai petani (hlm. 156) dan nelayan (hlm. 104 dan 339).

Unsur-unsur makanan orang Melayu yang banyak

digambarkan ialah buah pinang (hlm. 85), air kelapa muda (hlm. 86) dan sambal belacan (hlm. 179).

Unsur-unsur peralatan pula, petikan mendengar dan bertutur banyak menggambarkan peralatan diraja (hlm. 215) seperti payung putih, gendang, serunai, nagara, nafiri dan medali. Lain-lain peralatan yang disebut ialah lembing (hlm. 215).

Unsur budaya Melayu yang paling sedikit ditonjolkan dalam petikan mendengar dan bertutur ialah unsur bangsa, unsur bangunan dan unsur semangat patriotik yang masing-masing sebanyak 1.1% (1). Unsur-unsur yang tidak dicerminkan ialah unsur bahasa, hubungan luar, masalah sosial, pakaian, pendidikan, pengangkutan, seni muzik, seni ukir dan sejarah.

(ii) Merujuk kepada jadual 22, budaya yang kedua banyak yang terdapat dalam petikan mendengar dan bertutur berbanding dengan budaya yang lain ialah budaya universal, iaitu sebanyak 13.5% (12). Unsur-unsur budaya universal yang digambarkan ini dapat dilihat pada jadual 23. Budaya universal memberi tumpuan yang paling banyak kepada unsur peralatan (6.7%). Antara peralatan yang disebut ialah komputer (hlm. 247), mesin kira (hlm. 247), alat mencari gali minyak (hlm. 261) dan peralatan menangkap ikan (hlm. 339).

Unsur komunikasi (4.5%) yang ditemui adalah mengucapkan salam sejahtera semasa ingin memulakan sesuatu majlis atau ucapan (hlm. 2, 141 dan 278).

Kadangkala ucapan selamat pagi digunakan jika salam itu diucapkan pada waktu pagi.

Unsur yang paling sedikit digambarkan dalam budaya universal berbanding dengan unsur yang lain ialah unsur gender dan unsur pekerjaan yang masing-masing sebanyak 1.1% (1). Unsur gender yang digambarkan ialah tentang penagih dadah yang sering dikaitkan dengan golongan remaja atau pelajar-pelajar remaja yang berada di bangku sekolah (hlm. 141). Unsur pekerjaan pula menyentuh pekerjaan sebagai tukang perak yang diceburi oleh masyarakat pelbagai bangsa (hlm. 289).

Manakala lain-lain unsur yang dikaji yang tidak mendapat perhatian pula, ialah unsur adat, agama, bahasa, bangsa, bangunan, hubungan luar, makanan, masalah sosial, pakaian, semangat patriotik, pemikiran, pendidikan, pengangkutan, perhiasan, seni muzik, seni sastera, seni tenun, seni ukir dan sejarah.

(iii) Budaya lain-lain dan budaya asing sama banyak digambarkan dalam petikan mendengar dan bertutur, iaitu masing-masing sebanyak 7.9% (7) berbanding dengan budaya lain. Unsur budaya lain-lain yang paling banyak digambarkan dalam petikan mendengar dan bertutur berbanding dengan budaya kaum yang lain ialah unsur makanan (3.4%). Makanan yang diberi gambaran ialah makanan kaum Baba dan Nyonya yang dikatakan mempunyai persamaan dengan masakan Melayu (hlm. 179). Diikuti dengan unsur bangsa (2.2%) yang juga menggambarkan

bangsa Baba dan Nyonya (hlm. 179 dan 181). Unsur yang paling sedikit dicerminkan dalam budaya lain-lain berbanding dengan unsur yang lain ialah unsur bahasa dan unsur bangunan yang masing-masing sebanyak 1.1% (1).

Hanya terdapat satu sahaja unsur budaya asing yang dicerminkan dalam buku teks yang dikaji, iaitu unsur bangsa (7.9%). Budaya asing pula menggambarkan unsur bangsa seperti bangsa Siam, Babilonia, Mesir, Turki, Yunani, Jerman dan Inggeris (hlm. 247, 248, 249).

(iv) Jadual 22, menunjukkan budaya Cina kurang dicerminkan dalam petikan mendengar dan bertutur, iaitu hanya sebanyak 4.5% (4) sahaja berbanding dengan budaya kaum yang lain. Rajah 23 pula menunjukkan hanya dua unsur budaya Cina yang dicerminkan dalam buku teks yang dikaji, iaitu unsur bangsa (3.4%). Bangsa Cina digambarkan tinggal di kawasan perumahan yang bercampur dengan orang Melayu (hlm. 179). Unsur yang paling sedikit ialah unsur pekerjaan (1.1%). Orang-orang Cina digambarkan bekerja sebagai nelayan (hlm. 339).

(v) Budaya India pula, paling sedikit digambarkan dalam petikan mendengar dan bertutur, iaitu sebanyak 3.4% (3). Unsur budaya India yang paling banyak digambarkan berbanding dengan unsur lain ialah unsur bangsa (2.2%), dan unsur yang paling sedikit ialah unsur komunikasi (1.1%). Bangsa India diwakili oleh watak Neela yang berdialog dengan Nyonya Lee.

Sebagai kesimpulannya, budaya Melayu paling banyak

(56%) digambarkan dalam petikan mendengar dan bertutur berbanding dengan budaya kaum lain. Manakala budaya yang kedua banyak (12%) ialah budaya universal. Diikuti pula, dengan budaya lain-lain dan budaya asing yang masing-masing sebanyak 7.9% (7). Budaya Cina pula, sebanyak 4.5% (4). Budaya India paling sedikit (3.3%) dicerminkan dalam buku teks yang dikaji.

*Rajah 22: Budaya semua kaum dalam petikan mendengar dan bertutur*

	Kekerapan	Peratus
Melayu	56	62.9
Cina	4	4.5
India	3	3.3
Lain-lain	7	7.9
Asing	7	7.9
Universal	12	13.5
Jumlah	89	100.0

Jadual 23: Unsur-unsur budaya semua kaum yang terdapat dalam petikan mendengar dan bertutur

peralatan	2.2 (2)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	6.7 (6)
perhiasan	11.2 (10)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)
seni muzik	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)
seni sastera	12.4 (11)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)
seni tenun	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)
seni ukir	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)
sejarah	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)
Jumlah	62.9 (56)	4.5 (4)	3.3 (3)	7.9 (7)	7.9 (7)	13.5 (12)

M = budaya Melayu

C = budaya Cina

I = budaya India

L = budaya lain-lain

A = budaya asing

U = budaya universal

#### *Petikan Membaca dan Memahami*

Membaca dan memahami juga merupakan salah satu kemahiran yang penting sekiranya seseorang pelajar itu ingin menguasai Bahasa Melayu. Dalam kemahiran membaca, pelajar-pelajar harus cekap membaca, memahami dan menaakukl pelbagai bahan dengan kritis dan analitis.

Jadual 24, dengan jelas menunjukkan kepelbagaiannya budaya yang terdapat dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3. Lebih separuh (51.2%) daripada data

yang terdapat dalam jadual 24 mencerminkan unsur-unsur budaya Melayu.

(i) Rajah 25 pula, menunjukkan unsur-unsur budaya Melayu. Unsur yang paling banyak digambarkan dalam petikan membaca dan memahami berbanding dengan unsur yang lain ialah unsur pekerjaan (13.4%). Orang-orang Melayu digambarkan bekerja sebagai peladang (hlm. 106), pekebun (hlm. 107), nelayan (hlm. 108), menternak haiwan (hlm. 108), guru (hlm. 203), peruncit (hlm. 204), nelayan (hlm. 220), TUDM (hlm. 328) dan bermiaga (hlm. 107 dan 166).

Unsur budaya Melayu yang kedua banyak berbanding dengan unsur yang lain ialah unsur pemikiran (12.2%). Antara unsur-unsur pemikiran yang dicerminkan dalam petikan membaca dan memahami ialah wujudnya cerita-cerita yang berkait dengan kayangan dan nenek kebayan (hlm. 52), memanggil binatang dengan gelaran seperti Sang Belang untuk harimau (hlm. 49), mengamalkan amalan ziarah menziarahi (hlm. 104), amalan menabung untuk hari tua (hlm. 313), berusaha untuk mencapai kejayaan (hlm. 106) dan keluar merantau semasa muda (hlm. 146).

Diikuti dengan unsur seni sastera (7.3%). Seni sastera Melayu yang digambarkan ialah ghazal, nazam, pantun, gurindam dan hikayat (hlm. 284). Unsur peralatan (3.7%) yang digambarkan ialah parang (ms. 107), peralatan pertanian (m.s 108) dan alat-alat kegunaan sehari-hari seperti acuan kuih, bekas basuh tangan,

perenjis air mawar, tempat bara, tempat bunga, gobek, ketam kayu, tepak sirih, cembul, kaki lilin, bekas inai, tempat tisu, bekas habuk rokok, kaki gelas, sudu garpu, piala dan meriam kecil (hlm. 296).

Beberapa unsur yang sama banyak digambarkan ialah unsur agama, komunikasi, pendidikan, perhiasan, dan seni ukir yang masing-masing 2.4% (2.4%). Unsur yang paling sedikit digambarkan ialah masalah sosial, iaitu sebanyak 1.2% (1). Unsur-unsur agama yang ditemui ialah sentiasa memuji kebesaran tuhan, gambaran tentang sejarah Islam dan tulisan Jawi (hlm. 48, 126, 127). Unsur komunikasi yang ditemui seperti memberi salam ketika bertemu atau semasa ingin memulakan ucapan (hlm. 10 dan 12).

Manakala unsur perhiasan pula, ditunjukkan dengan perhiasan yang dipakai oleh wanita Melayu (hlm. 312 dan 313). Unsur seni ukir pula ditunjukkan dengan seni ukir khat yang dipengaruhi oleh unsur-unsur Arab.

(ii) Budaya universal merupakan budaya yang kedua banyak (32.9%) digambarkan dalam petikan membaca dan memahami berbanding dengan budaya yang lain. Unsur makanan merupakan unsur yang paling banyak (23.1%) digambarkan dalam budaya universal berbanding dengan unsur-unsur yang lain. Antara makanan yang menjadi makanan semua kaum di Malaysia ialah makanan tradisional seperti budu, belacan, tempoyak, tempe, udang kering, sawi masin, tapai, keropok dan pisang salai (hlm. 71). Air kelapa muda pula, digambarkan sebagai minuman

kegemaran rakyat Malaysia (hlm. 89). Bahan-bahan yang diperbuat daripada kelapa juga menjadi makanan penduduk berbilang bangsa, iaitu kerisik dalam tin, santan, gula Melaka dan seri kaya (hlm. 90). Buah-buahan yang menjadi makanan kegemaran rakyat berbilang kaum pula, ialah pisang emas, betik dan belimbing besi (hlm. 166 dan 168).

Manakala unsur peralatan pula, merupakan unsur yang kedua (3.7%) banyak digambarkan dalam petikan membaca dan memahami berbanding dengan unsur yang lain. Antara peralatan yang digambarkan ialah komputer (hlm. 253), peralatan untuk menangkap ikan (hlm. 348) dan peralatan untuk berkhemah seperti periuk, golok, lampu dan tali (hlm. 49).

Lain-lain unsur budaya universal yang digambarkan ialah unsur pekerjaan (2.4%). Antara pekerjaan yang dicerminkan ialah sebagai Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Manakala unsur adat, semangat patriotik dan pemikiran pula, paling sedikit digambarkan dalam petikan membaca dan memahami, iaitu masing-masing 1.2% (1). Iain-lain unsur yang tidak digambarkan ialah unsur agama, bahasa, bangsa, bangunan, gender, hubungan luar, komunikasi, masalah sosial, pakaian, pendidikan, pengangkutan, perhiasan, seni muzik, seni sastera, seni ukir dan sejarah.

(iii) Jadual 24 menunjukkan budaya lain-lain

digambarkan sebanyak 13.4% (11) dalam petikan membaca dan memahami berbanding dengan budaya kaum yang lain. Unsur-usur budaya universal dapat dilihat pada jadual 25. Antara unsur yang paling banyak dicerminkan dalam petikan membaca dan memahami ialah unsur makanan (23.1%) berbanding dengan unsur-unsur yang lain. Diikuti dengan unsur seni muzik (3.7%) dan unsur adat (1.2%). Makanan yang dicerminkan ialah makanan kaum Baba dan Nyonya seperti dodol, wajik, tapai, baulu, kuih talam dan pulut seri kaya (hlm. 186).

(iv) Budaya India dan budaya asing pula, sama banyak digambarkan dalam petikan membaca dan memahami, iaitu sebanyak 1.2% (1) berbanding dengan budaya kaum yang lain. Rajah 25 menunjukkan hanya satu sahaja unsur budaya India yang terdapat dalam petikan membaca dan memahami iaitu unsur pekerjaan (1.2%). Orang India dicerminkan bekerja sebagai Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) (hlm. 328).

Budaya asing hanya menggambarkan unsur agama (1.2%) sahaja dalam petikan membaca dan memahami, iaitu tulisan Jawi yang merupakan pengaruh budaya Arab (hlm. 127).

Sebagai kesimpulannya, petikan membaca dan memahami paling banyak menggambarkan unsur budaya Melayu iaitu sebanyak 51.2% (42) berbanding dengan budaya lain seperti budaya universal (33.0%), budaya Lain-lain (13.4%). Budaya India dan budaya asing paling sedikit digambarkan dalam bahagian membaca dan memahami iaitu

masing-masing sebanyak 1.2%(1). Manakala unsur budaya Cina pula, tidak digambarkan langsung pada bahagian ini.

*Jadual 24: Budaya semua kaum dalam petikan membaca dan memahami*

	Kekerapan	Peratus
Melayu	42	51.2
Cina	0	0.0
India	1	1.2
Lain-lain	11	13.4
Asing	1	1.2
Universal	27	33.0
Jumlah	82	100.0

Jadual 25: Unsur-unsur budaya semua kaum dalam petikan membaca dan memahami

peralatan	3.7 (3)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	3.7 (3)
perhiasan	2.4 (2)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)
seni muzik	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	3.7 (3)	0.0 (0)	0.0 (0)
seni sastera	7.3 (6)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)
seni tenun	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)
seni ukir	2.4 (2)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)
sejarah	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)
Jumlah	51.2 (42)	0.0 (0)	1.2 (1)	13.4 (11)	1.2 (1)	32.9 (27)

M = Budaya Melayu

C = Budaya Cina

I = Budaya India

L = Budaya lain-lain

A = Budaya asing

U = Budaya universal

nota :

Angka tanpa kurungan menunjukkan peratus unsur budaya.

Angka dalaman kurungan menunjukkan kekerapan unsur budaya.

### *Petikan Menulis*

Dalam kemahiran menulis, pelajar-pelajar harus dapat menghasilkan pelbagai jenis penulisan dengan tepat

dan jelas tentang ilmu pengetahuan dan kegiatan harian. Pelajar-pelajar juga digalakkan menghasilkan penulisan kreatif dengan pemikiran yang kritis dan analitis.

Kemahiran menulis penting untuk dipelajari kerana kemahiran ini merupakan peringkat akhir dalam mempelajari Bahasa Melayu. Bertolak dari sinilah kita boleh menilai sama ada seseorang itu berupaya menyampaikan maksud dengan menggunakan kata-kata yang tepat. Pelajar-pelajar yang boleh menulis dengan baik, yakni dalam konteks penggunaan bahasa yang betul, dapat menyampaikan buah fikiran mereka dengan berkesan. Jadual 26 menunjukkan budaya pelbagai kaum yang digambarkan dalam petikan menulis. Petikan menulis memberi tumpuan yang lebih besar kepada unsur-unsur budaya pelbagai kaum yang terdapat di negara ini. Ini dapat dilihat pada jadual 27 yang menunjukkan budaya universal mencapai jumlah peratus yang paling banyak, iaitu sebanyak 65.0 (13) berbanding dengan budaya Melayu yang hanya mencapai 30.0% (6) dan budaya asing pula, hanya mencapai 5.0% (1). Manakala unsur-unsur budaya Cina, India dan lain-lain pula tidak ditonjolkan langsung dalam petikan menulis.

(i) Berdasarkan jadual 27, budaya Universal paling diutamakan dalam petikan menulis berbanding dengan budaya yang lain. Unsur pendidikan, masalah sosial dan peralatan masing-masing sebanyak 15.0% (3). Diikuti dengan unsur pekerjaan sebanyak 10.0% (2). Unsur makanan

dan patriotik merupakan unsur yang paling sedikit (5.0%) diberi perhatian.

Unsur pendidikan dapat dilihat pada gambaran terhadap perhimpunan sekolah yang diadakan seminggu sekali (hlm. 40). Pendidikan terhadap dadah juga turut dicerminkan untuk memberi kesedaran kepada remaja tentang bahayanya dadah (hlm. 151). Satu lagi unsur pendidikan yang turut dicerminkan ialah tentang pembacaan komik yang dikatakan dapat memberikan pemahaman yang lebih cepat kerana persempahan komik dalam bentuk tulisan serta lukisan (hlm. 227).

Masalah sosial (15.0%) dalam budaya universal pula, menjurus kepada pengangguran siwazah (hlm. 352) dan masalah keracunan makanan (hlm. 78 dan 79).

Peralatan (15.0%) yang dicerminkan dalam budaya universal ialah komputer (hlm. 258) yang dikatakan digunakan oleh semua lapisan masyarakat untuk menyenangkan kerja-kerja pengurusan. Manakala radar pula, merupakan peralatan yang digunakan untuk mengesan sebarang objek di atmosfera dengan bantuan gelombang radio yang pendek (hlm. 259). Akhir sekali, pam kelikir merupakan peralatan yang digunakan oleh pelbagai kaum untuk melombong emas di tanah lanar (hlm. 318).

Petikan menulis turut mencerminkan unsur pekerjaan budaya universal. Pekerjaan rakyat berbilang kaum ialah sebagai nelayan moden (hlm. 353). Terdapat juga rakyat yang bekerja sebagai pelombong emas (hlm. 318).

Unsur patriotik (5.0%) yang mencerminkan semangat pelbagai kaum yang terdapat di Malaysia ialah nyanyian lagu-lagu patriotik dan lagu sekolah semasa perhimpunan sekolah dijalankan (hlm. 40).

ii. Budaya Melayu merupakan budaya yang kedua banyak digambarkan dalam petikan Menulis. Terdapat empat unsur budaya Melayu yang digambarkan dalam petikan menulis, iaitu unsur adat, agama, hubungan luar dan seni sastera. Unsur yang paling banyak dicerminkan berbanding dengan unsur yang lain ialah unsur seni sastera (10.0%) dan unsur hubungan luar (10.0%).

Unsur seni sastera merupakan unsur budaya Melayu yang turut dicerminkan dalam petikan menulis. Antara topik-topik yang disebut ialah pantun (hlm. 288), syair (hlm. 226), dan sajak (hlm. 226).

Oleh kerana masyarakat Melayu mempunyai hubungan dengan masyarakat di luar Malaysia. Maka unsur hubungan luar juga turut dicerminkan dalam petikan menulis. Unsur hubungan luar dapat dilihat pada hubungan sahabat pena seorang pelajar Melayu Malaysia dengan seorang pelajar di New Zealand (hlm. 58-59). Unsur hubungan luar juga dapat ditemui apabila seorang pelajar Melayu yang terpaksa berpindah mengikuti bapanya yang bertugas di Birmingham (hlm. 319-320).

Unsur yang paling sedikit digambarkan dalam petikan menulis ialah unsur adat (5.0%) dan agama (5.0%).

Petikan menulis hanya menggambarkan satu unsur budaya

asing sahaja, iaitu unsur pendidikan (5.0%).

Kesimpulannya, dapatlah dinyatakan bahawa kemahiran menulis lebih banyak menfokuskan kepada budaya universal (65.0%) berbanding dengan budaya yang lain. Unsur-unsur budaya universal lebih mudah disampaikan kepada para pelajar kerana hampir semua kaum yang terdapat di Malaysia mengetahui tentang unsur-unsur budaya tersebut. Budaya Melayu yang terdapat dalam petikan menulis pula, ialah sebanyak 30.0% (6). Budaya yang paling sedikit (5.0%) dicerminkan dalam petikan menulis berbanding dengan budaya yang lain ialah budaya asing. Manakala budaya Cina, budaya India dan budaya Lain-lain langsung tidak ditonjolkan dalam petikan menulis.

*Jadual 26: Budaya semua kaum dalam petikan menulis*

	Kekerapan	Peratus
Melayu	6	30.0
Cina	0	0.0
India	0	0.0
Lain-lain	0	0.0
Asing	1	5.0
Universal	13	65.0
Jumlah	20	100.0

Jadual 27: Unsur-unsur budaya semua kaum dalam petikan menulis

						167
peralatan	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	15.0 (3)
perhiasan	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)
seni muzik	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)
seni sastera	10.0 (2)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)
seni tenun	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)
seni ukir	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)
sejarah	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)
Jumlah	30.0 (6)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	5.0 (1)	65.0 (13)

M = Budaya Melayu

C = Budaya Cina

I = Budaya India

L = Budaya lain-lain

A = Budaya asing

U = Budaya universal

nota :

Angka tanpa kurungan menunjukkan peratus unsur budaya.

Angka dalam kurungan menunjukkan kekerapan unsur budaya.

#### Petikan Bacaan Luas

Bahagian bacaan luas yang terdapat dalam buku teks Bahasa Malaysia KBSM Tingkatan 3 bertujuan mendedahkan para pelajar kepada pelbagai pengetahuan am. Petikan dalam bahagian ini memasukkan pelbagai pengetahuan dalam negara di samping menyelitkan pengetahuan dari luar

negara. Jadual 28 menunjukkan data yang diperolehi daripada petikan bacaan luas.

(i) Budaya universal paling banyak digambarkan dalam petikan bacaan luas, iaitu sebanyak 55.6% (10) berbanding dengan budaya yang lain. Unsur-unsur budaya universal dapat dilihat pada jadual 29. Unsur budaya universal yang paling banyak digambarkan dalam petikan bacaan luas berbanding dengan unsur yang lain ialah unsur pekerjaan (27.8%). Pekerjaan rakyat yang berbilang kaum di negara ini ialah sebagai pekebun (hlm. 99 dan 175), arkeologi (hlm. 138), bidang perindustrian (hlm. 274) dan sebagai peladang (hlm. 99).

Disamping itu, kajian ini mendapati terdapat unsur-unsur agama, hubungan luar, perhiasan, seni tenun dan sejarah sebanyak 5.6% (1). Unsur agama dapat dilihat pada agama Islam yang dianuti bukan sahaja di Malaysia, tetapi juga menjadi agama yang dianuti di seluruh dunia, umpamanya di Mekah dan Madinah (hlm. 336).

Hubungan luar (5.6%) yang terdapat dalam petikan bacaan luas ialah hubungan ekonomi. Ini dapat dilihat pada frasa yang menyatakan Malaysia merupakan pengeksport kelapa sawit yang utama di dunia (hlm. 101).

Unsur perhiasan (5.6%) dalam budaya universal pula, dikaitkan dengan hasil tenun di Sabah dan Sarawak yang dipengaruhi oleh kebudayaan Dongson yang datang dari Annam pada abad ke tujuh belas Sebelum Masihi (hlm. 194).

Satu-satunya unsur sejarah yang dicerminkan dalam buku teks terdapat di bahagian bacaan luas. Petikan 'Ahli Arkeologi Pencari Khazanah' menjelaskan ahli-ahli arkeologi merupakan pengkaji sejarah peradaban manusia yang sanggup bekerja di mana-mana sahaja, dan dalam keadaan apa sekalipun (hlm. 136-138).

(ii) Budaya lain-lain merupakan budaya yang kedua banyak digambarkan dalam petikan bacaan luas berbanding dengan budaya kaum yang lain, iaitu sebanyak 27.8% (5). Unsur yang paling banyak digambarkan oleh budaya lain-lain dalam petikan bacaan luas ialah unsur gender (11.1%). Unsur gender dapat dilihat pada wanita yang dikaitkan dengan tenunan. Hasil-hasil tenun di Sabah dan Sarawak pada umumnya diusahakan oleh kaum wanita (hlm. 194).

Manakala unsur adat, pemikiran dan seni tenun pula, digambarkan sama banyak, iaitu sebanyak 5.6% (1) berbanding dengan unsur-unsur yang lain dalam petikan bacaan luas. Unsur adat dalam budaya lain-lain ialah dapat dilihat pada hasil tenunan yang dinamakan kain dastar. Kain ini digunakan dalam upacara keramaian oleh kaum Bajau (hlm. 195). Unsur-unsur pemikiran pula dapat dilihat pada motif kain dastar yang bercorak geometri dan kuda berlari (hlm. 195).

(iii) Rajah 29 menunjukkan budaya yang ketiga banyak yang terdapat dalam petikan bacaan luas ialah budaya Melayu (16.7%). Hanya satu unsur budaya Melayu

yang dicerminkan dalam petikan bacaan luas, iaitu unsur seni sastera iaitu sebanyak 16.7% (3). Unsur seni sastera orang-orang Melayu dapat dilihat pada puisi dan sastera lama (hlm. 20 dan 21). Pengarang menggunakan puisi dalam karya prosa dengan dua tujuan. Pertama; untuk mengindahkan karangannya. Kedua; untuk menimbulkan kesan yang mendalam tentang isi cerita.

Sebagai kesimpulannya, sekiranya petikan menulis lebih banyak (65.0%) menggambarkan budaya universal, maka petikan bacaan luas juga turut menitikberatkan budaya universal, iaitu sebanyak 55.6% (10) berbanding dengan budaya kaum yang lain. Diikuti dengan budaya Lain-lain sebanyak 27.8 (5) dan budaya Melayu sebanyak 16.7% (3). Petikan bacaan luas tidak begitu menitik beratkan unsur-unsur budaya Cina, unsur-unsur India dan unsur-unsur budaya asing kerana unsur-unsur budaya tersebut tidak ditonjolkan langsung (0%) dalam petikan bacaan luas.

*Jadual 28: Budaya semua kaum dalam petikan bacaan luas*

	Kekerapan	Peratus
Melayu	3	16.7
Cina	0	0.0
India	0	0.0
Lain-lain	5	27.8
Asing	0	0.0
Universal	10	55.6
Jumlah	18	100.0

Jadual 29: Unsur-unsur budaya semua kaum dalam petikan bacaan luas

peralatan	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)
perhiasan	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	5.6 (1)
seni muzik	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)
seni sastera	16.7 (3)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)
seni tenun	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	5.6 (1)	0.0 (0)	5.6 (1)
seni ukir	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)
sejarah	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	0.0 (0)	5.6 (1)
Jumlah	16.7 (3)	0.0 (0)	0.0 (0)	27.8 (5)	0.0 (0)	55.6 (10)

M = budaya Melayu

C = budaya Cina

I = budaya India

L = budaya lain-lain

A = budaya asing

U = budaya universal

nota :

Angka tanpa kurungan menunjukkan peratus unsur budaya.

Angka dalaman kurungan menunjukkan kekerapan unsur budaya.

*Jadual 30: Keseluruhan unsur-unsur budaya yang terdapat dalam buku teks*

	Kekerapan	Peratus
adat	10	2.9
agama	11	3.2
bahasa	1	0.3
bangsa	15	4.3
bangunan	4	1.1
gender	5	1.4
hubungan luar	3	0.9
komunikasi	12	3.4
makanan	64	18.4
masalah sosial	4	1.1
pakaian	76	21.8
patriotik	6	1.7
pekerjaan	32	9.2
pemikiran	18	5.2
pendidikan	6	1.7
pengangkutan	2	0.6
peralatan	23	6.6
perhiasan	16	4.6
seni muzik	3	0.9
seni sastera	22	6.3
seni tenun	4	1.1
seni ukir	10	2.9
sejarah	1	0.3
<b>Jumlah</b>	<b>348</b>	<b>100.0</b>